

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Membaca ialah proses memperolehi tafsiran yang bermakna ke atas lambing-lambang bercetak dan bertulis (Yahya Othman 2003:3) atau satu proses mengenal dan menterjemahkan simbol-simbol bahasa yang kemudiannya melibatkan proses berinteraksi dengannya (Kamaruddin 1988:160).

Harris dan Sipay (1980) dalam (Shahabudin 2003:3) mentafsirkan proses membaca sebagai keupayaan seseorang mengecam bentuk visual dan menghubungkan bentuk itu dengan bunyi ataupun makna yang diketahui melalui pengalaman dan akhirnya berupaya mentafsirkan maksud atau satu keupayaan seseorang untuk mengecam bentuk visual (lambang-lambang) yang mewakili bahasa atau perkataan menghubungkan bentuk itu dengan bunyi atau makna yang telah diketahui, berasaskan pengalaman lepas untuk memahami dan menerangkan makudnya.

Membaca melibatkan proses mental yang tinggi, proses pengenalan (cognition), ingatan (memory), pengamatan (perception), pengucapan (verbalization), pemikiran (reasing), daya kreatif, dan psikologi. Ia melibatkan dua kemahiran utama iaitu kemahiran mengenal huruf abjad dan bunyi dan kemahiran memahami apa yang dibaca (Maimunah Ismail 1995:51).

Marohaini (1989:4) menyusun lima proses yang mesti dilalui oleh seseorang dalam proses membaca iaitu:

- a) Mengecam atau mengenal lambing-lambang atau perkataan yang dilihat.

- b) Mengaitkan lambang-lambang atau perkataan itu dengan bunyi atau makna.
- c) Menterjemahkan makna perkataan-perkataan itu dengan mengaitkannya dengan apa yang telah tersedia ada dalam kepala.
- d) Mengumpul dan mencantumkan idea-idea, perkataan dan ayat-ayat sehingga menjadi sebuah idea yang lengkap.
- e) Menghuraikan dan menjelaskan idea-idea yang didapati.

Yahya Othman (2003:8) menerangkan maksud proses membaca iaitu:

- i. Penguasaan membaca bergantung pada kebiasaan pembaca dengan huruf, perkataan dan pola pengejaan.
- ii. Membaca adalah proses yang aktif dimana pembaca berhubung dengan teks bagi membina mesej pengarang. Kajian menunjukkan membaca bergantung kepada pengetahuan latar pembaca.
- iii. Membaca adalah mendapatkan makna berdasarkan kombinasi beberapa huruf.
- iv. Maklumat membaca adalah membina makna semasa pembaca berinteraksi dan bertindak balas dengan teks. Ini memerlukan pendekatan interaktif yang melibatkan grafo-fonik, sintaksis dan semantic bagi membina makna.
- v. Membaca adalah mengungkap pola-pola bahasa daripada bentuk tulisannya.

Membaca merupakan satu proses yang ada permulaannya dan penamatnya. Walau bagaimanapun kelancaran dan kefasihan dalam bacaan tiada penghujung. Perlakuan membaca merupakan sebuah perlakuan yang susah untuk diperhatikan. Ia perlu diasah dan dilazimi setiap masa untuk mendapatkan kualiti dan kefasihan yang jitu. Ia berkembang mengikut perkembangan manusia untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

Hal ini selaras dengan wahyu yang pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W iaitu ayat 1-5 dari surah *al-'Alaq*

Maksudnya: *“Bacalah wahai Muhammad S.A.W dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk. Dia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah dengan nama Tuhanmu yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena (dan tulisan). Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahu”*.

Membaca merupakan kunci ilmu. Ia merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari. Gray (1970:71) telah membahagikan kemahiran membaca kepada tiga peringkat iaitu peringkat asas (*elementary skills*), kemahiran pertengahan (*intermediate skills*) dan kemahiran kefahaman (*comprehensive skills*).

Membaca merupakan satu cara untuk memperolehi sesuatu bahasa. Kemahiran membaca tidak akan tercapai dengan sendiri tanpa pembelajaran dan pengajaran. Kemahiran membaca memerlukan kepada pendekatan, kaedah dan teknik tertentu yang bersesuaian dengan budaya dan sifat bahasa tersebut. Ketiga-tiga aspek ini dihasilkan daripada teori-teori membaca. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bacaan permulaan merupakan sesuatu yang amat penting dalam penguasaan sesuatu bahasa (Yahya Othman 2003:13).

Membaca dan tulisan tidak dapat dipisahkan. Ia bagaikan perhubungan antara isi dan kulit. Ilmu fonetik merupakan landasan kepada bentuk-bentuk dan bunyi yang dihasilkan dalam sesuatu bahasa. Jelaslah disini terdapat hubungan yang rapat antara membaca dan mengenal huruf.

2.1 Hubungan Membaca dan Mengenal Huruf

Semua bahasa terdiri dari simbol-simbol atau huruf –huruf yang dilambangkan dan mempunyai sistem bunyi yang tersendiri. Gabungan bunyi-bunyi akan membentuk perkataan. Simbol-simbol ini berbeza mengikut bahasa-bahasa tertentu. Tanpa mengenal bentuk-bentuk dan bunyi huruf-huruf, proses bacaan tidak dapat berjalan lancar.

Zaidah (1978) telah membuat kajian terhadap murid-murid Darjah Dua di dua buah sekolah yang berkaitan dengan kemahiran asas bacaan Bahasa Malaysia dari segi huruf, suku kata dan gabungan bunyi-bunyi suku kata. Menamakan huruf-huruf abjad dan seterusnya membunyikannya adalah merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh murid-murid sebelum pengajaran membaca perkataan dan ayat. Ini disebabkan hasil kajiannya mendapati kelemahan murid dalam pelajaran bacaan di peringkat awal adalah berpunca dari kelemahan mengenal huruf-huruf abjad dan membunyikannya.

Khamis Maarof (1984) juga telah membuat stu percubaan untuk mengukur kebolehan membaca murid-murid Darjah Dua mendapati kekeliruan dalam mengenali bentuk-bentuk huruf merupakan punca utama yang menyebabkan murid-murid tidak dapat membunyikan suku kata. Mengenali bentuk-bentuk huruf semata tidak menjamin kebolehbacaan tetapi mengenal bunyi huruf-huruf merupakan tahap pertama dalam era asas bacaan. Pendapat ini disokong oleh Sofiah Hamid (1981) dalam eksperimennya mendapati kemahiran mengenal huruf dan membunyikannya menolong pelajar membunyikan terus suku kata dengan lebih mudah. Pendekatan “abjad-suku kata” adalah lebih berkesan dari pendekatan “terus membaca” .

2.2 Kaedah Mengajar Bacaan

Membaca melibatkan proses memindahkan tulisan kepada bacaan. Oleh sebab itu, cara mengajar memainkan peranan yang penting dalam memperkenalkan huruf-huruf terutama dalam mengajar membaca al-Quran.

Tujuan utama kaedah bacaan ialah mendapat cara yang sesuai supaya murid dapat mengenal sesuatu perkataan dengan senang. Satu kemahiran terpenting yang mesti dicapai ialah perpepsi perkataan iaitu bagaimana proses mengenal perkataan dapat berlaku dengan mudah. Kaedah ini berdasarkan kepada anggapan bahawa perkataan terdiri dari huruf-huruf. Oleh sebab itu, nama-nama huruf perlu diajar terlebih dahulu. (Sofiah Hamid:1981).

Banyak kaedah-kaedah mengajar membaca yang diperkenalkan. Kamarudin (1988:164) menjelaskan ada 4 cara bacaan iaitu:

2.2.1 Kaedah Mengeja

Kaedah mengeja ialah murid dikehendaki mengeja dari satu huruf ke satu huruf berikutnya kemudian membunyikan dan membatangkan bunyi suku kata-suku kata untuk membentuk perkataan dan ayat.

Kebaikan kaedah ini murid-murid mahir mengeja kerana dilatih mengeja tiap-tiap perkataan yang dibacanya. Kaedah ini juga memudahkan kerja guru kerana tidak berkehendakkan alat bantu mengajar. Beliau berpendapat kaedah ini ada beberapa kekurangan antaranya:

- a) Murid-murid tidak lancar membaca kerana penekanan terhadap ejaan semata.
- b) Murid-murid tidak memahami apa yang dibaca.
- c) Murid akan membaca dengan berlagu dan tidak mempedulikan rangkai kata dan tempat berhenti.

- d) Mengelirukan murid kerana nama-nama huruf tidak menepati bunyi-bunyi huruf itu dan menjemukan.

Kaedah mengeja merupakan asas dalam dunia bacaan permulaan. Kaedah ini lebih berkonsepkan pengenalan nama-nama huruf dan membunyikan sesuatu huruf melalui cara mengeja pada setiap huruf. Latih tubi adalah jalan terbaik semasa proses pembelajaran dijalankan. (Kamarudin 1988:164).

Leonard Bloomfield (1942) seorang ahli bahasa telah memperkenalkan kaedah abjad sebagai langkah awal dalam bacaan permulaan. Beliau menekankan pengajaran huruf-huruf abjad dahulu sebelum perkataan dan ayat. Mengeja adalah aset terpenting bukannya membunyikan.

2.2.2 Kaedah Bunyi (Fonik)

Kaedah ini menekankan penguasaan hubung kait di antara huruf-huruf dan bunyi-bunyinya. Pelajar dikehendaki membaca terus suku kata-suku kata tanpa melalui proses mengeja. Hal ini membolehkan pelajar membaca perkataan baru di luar perbendaharaan kata mereka. Ia amat sesuai bersesuaian dengan susuk bahasa yang terdiri daripada suku kata yang hampir bunyinya seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Arab. Asas kaedah ini ialah mengenal dan mengingat huruf-huruf dan bunyinya sahaja tanpa perlu mengingat pola suku kata.

Salah seorang pakar pendidik yang berminat dalam kaedah fonik ialah Dolores Dulkin 1972. Beliau telah menulis dua buah buku berkaitan dengan kaedah fonik iaitu “Phonics and The Teaching of Reading” (1962) dan “Phonics Linguistics and Reading” (1972).

Kajian telah menunjukkan bahawa otak manusia membaca dengan membunyikan (decoding) bunyi huruf-huruf bukan membunyikan nama-nama huruf. Oleh sebab itu, mana-mana bahasa yang

terbit secara lansung daripada gabungan bunyi-bunyi huruf, mengajar membaca menggunakan kaedah fonetik atau fonik adalah yang terbaik. (Nik Eliani Nik Nawawi dan Othman Ahamad 1999).

Pada awal kurun ke 20 an kaedah bunyi bersifat binaan (systematis phonic) mula menjadi popular dan menjadi dasar kepada buku-buku bacaan asas. Kaedah ini memperkenalkan hubungan bunyi, huruf dan perkataan. Kaedah ini telah digunakan dan diakui oleh masyarakat Malaysia sebagai jalan terbaik dalam era permulaan bacaan baik dalam konteks Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Jawi, dan Bahasa Arab.

2.2.3 Kaedah Huruf

Kaedah ini merupakan kaedah tertua yang dijalankan sejak kerajaan Greek dan Rom. Kaedah ini mementingkan nama-nama huruf dan bunyi huruf-huruf itu. Kaedah ini melalui 5 peringkat bacaan iaitu mengenal nama huruf vokal dan konsonan . Peringkat kedua ialah membunyikan huruf-huruf. Terdapat tiga jenis bunyi yang mesti dikuasai iaitu bunyi vokal, vakal dan konsonan dan diftong. Peringkat ketiga ialah menggabungkan bunyi-bunyi untuk membentuk suku kata kemudian mengenal rangkaikata, ayat dan membaca. (Kamarudin 1988:168).

Kaedah ini amat sesuai dengan cirri-ciri Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab kerana terdiri dari bunyi yang hampir tetap bunyinya. Ia juga membolehkan kanak-kanak membaca perkataan baru yang belum dipelajari kerana mereka dapat mengenal huruf-huruf dan membunyikannya dengan baik. Ia merupakan asas yang kukuh dalam bacaan yang menjadikan pelajar yakin dan cekap membaca.

Perbezaannya dengan kaedah ejaan ialah pelajar tidak diperkenalkan huruf-huruf abjad keseluruhannya diperingkat awal tetapi diperkenalkannya dalam kaedah huruf. Walau bagaimanapun ia adalah sama kerana berkonsepkan ejaan.

2.2.4 Kaedah Pandang Sebut

Kaedah ini mementingkan dua perkara iaitu membunyikan perkataan atau rangkai kata berdasarkan pengalaman melalui gambar dan membunyikan ayat melalui gambar yang ada cerita.

Proses yang terlibat dalam kaedah ini ialah mengecam dan mengenal perkataan dengan memandangi keseluruhannya tanpa dibunyikan dan dieja. Murid menyebut apa yang tertera berdasarkan gambar. Mereka dilatih menyebut berulang-ulang kali. (Kamarudin 1988:166) beranggapan kaedah ini sesuai untuk mengajar bacaan jawi kerana perkataannya tidak mempunyai sistem bunyi yang tetap. Nama lain bagi kaedah ini ialah kaedah perkataan, kaedah rangkai kata dan kaedah ayat.

Kaedah ini amat menarik minat pelajar kerana mereka memahami apa yang mereka sebut. Ini disebabkan kaedah ini mementingkan aspek makna atau semantik. Namun kaedah ini menyebabkan kanak-kanak lambat mencapai kemahiran dan kecekapan membaca. Mereka tidak mempunyai asas yang kukuh yang membolehkan mereka membaca sendiri kerana kaedah ini terhad kepada perkataan, rangkai kata, dan ayat yang diajarkan sahaja.

Kaedah pandang sebut ada juga diajar tanpa gambar hanya menggunakan rangkai kata sebelum diperkenalkan bunyi setiap huruf. Ia dipanggil Kaedah Cerakin Perkataan. Kaedah ini menyamai kaedah fonik tetapi cara memperkenalkannya sahaja berbeza. Kaedah pandang sebut diperkenalkan dalam bentuk ayat atau perkataan tetapi kaedah fonik memperkenalkan bunyi-bunyi suku kata terlebih dahulu.

2.3 Pendekatan Mengajar Bacaan Permulaan

Pendekatan-pendekatan ini boleh dibahagikan kepada 2 iaitu Pendekatan Analitik dan Pendekatan Sintetik.

2.3.1 Pendekatan Analitik

Pendekatan Analitik ialah satu pendekatan yang memulakan pelajaran daripada bahagian besar kepada kecil iaitu memperkenalkan ayat di awal pembelajaran kemudian dibahagikannya kepada rangkai kata –rangkai kata. Rangkai kata ini kemudian dipecahkan kepada perkataan, suku kata, dan akhirnya diperkenalkan huruf-huruf yang terlibat. Pendekatan ini menggunakan kaedah perkataan, kaedah rangkai kata, dan kaedah ayat yang digabungkan membentuk kaedah pandang sebut. (Kamarudin 1988: 168). Contoh pembelajaran Bahasa Malaysia yang menggunakan pendekatan ini ialah:

1. Perkenalkan ayat - Nina ada baju baru
2. Perkenalkan ayat kata - Nina ada, baju baru
3. Perkenalkan perkataan - Nina, ada, baju, baru
4. Perkenalkan suku kata - Ni, na, a, da, ba, ju, ru
5. Perkenalkan huruf - n, i, a, d, b, j, r, u

Pendekatan ini tidak menekankan pengenalan nama-nama huruf dan bunyi-bunyi huruf abjad keseluruhannya. Pengenalannya hanyalah sekitar apa yang terdapat pada ayat atau rangkai kata yang ditunjukkan sahaja.

2.3.2 Pendekatan Sintetik

Pendekatan ini ialah satu cara yang berdasarkan prinsip sintaksis atau perkataan yang disusun daripada bahagian-bahagian kecil menjadi satu benda yang besar (Kamarudin 1988:169, Ahmad Tafsir 1990:39, Yahya Othman (2003: 132). Ahmad Tafsir (1990) menamakannya sebagai Jalan Pelajaran Sintesis. Pendekatan Sintetik ini boleh digunakan melalui dua kaedah pengajaran iaitu memahami kaedah fonik atau melalui kaedah ejaan.

Kaedah fonik berdasarkan pendekatan sintetik ialah murid diperkenalkan bunyi-bunyi huruf terlebih dahulu sebaliknya kaedah ejaan menekankan pengenalan nama-nama huruf terlebih dahulu. Mengikut kaedah fonik murid diajar terus menggabungkan bunyi-bunyi suku kata tanpa melalui

proses ejaan. Sebaliknya lebih melalui kaedah ejaan kesemua huruf abjad mesti dihafal terlebih dahulu kemudian diperkenalkan huruf vokal dan konsonan. Huruf konsonan dan huruf vokal dicantumkan membentuk suku kata, suku kata digabungkan untuk membentuk perkataan seterusnya ayat melalui cara mengeja setiap huruf dalam perkataan (Kamarudin 1988:169). Contoh pendekatan ini dalam mengajar ayat, 'Nina ada baju baru':

1. Perkenalkan huruf - a, b, d, i, j, h, r, u, m, n
2. Perkenalkan suku kata - ba, ni, na, ju, rah, me, da
3. Perkenalkan perkataan - baju, Nina, ada, merah
4. Perkenalkan rangkai kata - baju merah, Nina ada
5. Perkenalkan ayat - Nina ada baju merah

Berdasarkan dua perkataan utama ini lahirlah pendekatan-pendekatan lain tetapi masih berperinsipkan Pendekatan Analitik dan Pendekatan Sintetik iaitu:

2.3.3 Pendekatan Eklektif

Pendekatan Eklektif ialah cara mengajar bacaan dengan menggunakan kaedah campuran daripada Pendekatan Binaan (Analitik) dan Pendekatan Cerakin (Sintetik). Ia menggabungkan kaedah bunyi, kaedah huruf, kaedah suku kata, kaedah perkataan, kaedah rangkai kata, dan kaedah ayat. Ia juga dipanggil "Kaedah Pandang Dengar".

Kaedah ini mengikut prinsip psikologi membaca di mana kaedah pengajaran mengikut situasi dan peringkat kesediaan dan kebolehan pelajar. Kaedah inilah yang banyak digunakan dalam dunia pendidikan hari ini.

Mengajar menggunakan kaedah ini tidak perlu diajar nama vokal dan konsonan terlebih dahulu, ia diajar melalui segi bunyinya sahaja berpandukan perkataan pendek. Buku 'Bacalah Anakku' ditulis mengikut pendekatan ini. Contohnya bunyi 'a' diajar 'a-yam'.

2.3.4 Pendekatan Gabungan Bunyi Kata

Pendekatan ini memperkenalkan bunyi-bunyi vokal terlebih dahulu kemudian huruf konsonan dan bunyinya. Gabungan daripada konsonan vokal ini menjadi perkataan yang membina. Perkataan yang diperkenalkan dipilih daripada perkataan yang difahami maknanya. Apabila pelajar telah menguasai kemahiran bunyi gabungan konsonan vokal (VK), mereka tidak perlu membunyikan satu persatu lagi. Selepas itu barulah diperkenalkan gabungan konsonan vokal konsonan (KVK) atau suku kata tertutup. (Yahya Othman 2003:134).

2.3.5 Pendekatan Abjad - Suku kata

Pendekatan memperkenalkan huruf dan hubungannya dengan bunyi. Ia menyamai kaedah fonik yang menekankan konsep latih tubi dalam pembelajaran. Setiap huruf diperkenalkan satu persatu berdasarkan bunyinya sebagai mahir, kemudian , digabungkan huruf konsonan dan vokal ku untuk membentuk suku kata. Suku kata-suku kata ini digabungkan untuk membentuk perkataan.

2.3.6 Pendekatan Suksessif (Urutan)

Suksessif bermaksud urutan. Ini bermakna konsep yang diterapkan dan pendekatan ini ialah urutan dari satu pelajaran ke pelajaran seterusnya tanpa diulang balik pelajaran yang diajar diperingkat awal. Ini dapat dilihat melalui rajah 2.1 di bawah.

Rajah 2.1 Jalan Pelajaran Suksessif

Kebanyakan kaedah mengajar bacaan banyak berpandukan kepada pendekatan ini. Ia mengajar dari satu tahap ke tahap yang lain. Pendekatan ini juga digunakan dalam mengajar membaca al-Quran melalui Kaedah *Baghdadi* menggunakan buku *Muqaddam* di mana setiap pelajaran atau kemahiran diajar secara urutan dari satu bahagian ke bahagian yang lain.

2.3.7 Pendekatan Keseluruhan (Jalan Pelajaran Konsentris)

DeQueljeo (1962) dalam Dr. Ahmad Tafsir (1990:37) menggunakan istilah jalan pelajaran sebagai padanan istilah pendekatan mengajar. Kaedah ini menghuraikan keseluruhan bahan pelajaran yang dijalankan beberapa kali dari permulaan hingga akhir yang dimulakan dari isi yang terpenting kepada yang penting. Proses ini menerangkan perkaitan antara apa yang dipelajari di peringkat awal dengan pelajaran selepasnya daripada satu peringkat ke peringkat seterusnya.

Kesimpulannya, proses memperkenalkan huruf-huruf abjad harus diperkembangkan untuk memantapkan bentuk-bentuk huruf yang berbeza. Mengenal dan membezakan bentuk-bentuknya tidak semestinya diperkenalkan dengan nama-nama huruf di peringkat awal. Walau bagaimanapun nama-nama huruf adalah mustahak dalam menentukan gerak balas mengenal huruf dan menolong menentukan sama ada pelajar-pelajar dapat mengenal huruf.

2.4 Kajian berkaitan Kaedah Mengajar Membaca

Mackey (1965:151-155) dalam analisis kajiannya berkenaan dengan kaedah pengajaran bahasa telah menyenaraikan 15 kaedah mengajar bahasa yang berbeza.

Kaedah-kaedah ini ialah kaedah terus, kaedah semulajadi, kaedah psikologi, kaedah fonetik, kaedah bacaan, kaedah tatabahasa, kaedah terjemahan, kaedah nahu terjemahan, kaedah elektif, kaedah unit, kaedah kawalan bahasa, kaedah menghafal-mengajuk, kaedah teori dan praktikal, kaedah

kognat, dan kaedah dwibahasa. Oleh sebab itu, tidak semua bahasa menggunakan teknik dan kaedah yang sama.

Pada tahun 50 an merupakan tahun perkembangan bidang bacaan. Di Amerika khususnya, lahir pelbagai pendekatan mengajar bacaan diperkenalkan sehingga masyarakat biasa telah berani mengkritik kaedah pengajaran guru dalam bidang bacaan. Persoalan mengenai bagaimana dan bila kanak-kanak sepatutnya mula diajar membaca telah menjadi isu hangat perbincangan. Kebanyakan pertentangannya berkisar tentang dua pendekatan baru yang diperkenalkan iaitu kaedah fonok (phonic) dan kaedah pandang sebut (sight reading).

Hasil daripada kritikan dan minat yang ditunjukkan oleh masyarakat menyebabkan kemajuan dalam bidang pengajaran ini meningkat. Kini masyarakat khususnya telah sedar akan kepentingan bacaan di peringkat permulaan menyebabkan banyak tadika-tadika dan tempat pengajian untuk kanak-kanak berusia 3-6 tahun ditubuhkan. Kemunculan kanak-kanak boleh membaca dengan lancar di usia 5 tahun bukan lagi menjadi satu perkara yang pelik.

Telah banyak penyelidikan yang dijalankan oleh para sarjana yang berhubung dengan pengajaran bacaan permulaan. Atan Long (1970) telah membuat kajian terhadap murid-murid Melayu yang normal berusia di antara 6 hingga 7 tahun. Beliau telah cuba mencadangkan dalam beberapa pelajaran permulaan bacaan mestilah terdiri daripada seluruh perkataan yang bermakna supaya dapat menyubur minat murid. Beliau telah mengkritik kaedah abjad kerana memakan masa yang lama dan kaedah pandang sebut kerana ia mengelirukan murid.

Zaidah (1978) pula telah membuat kajian mengenai kemahiran asas bacaan Bahasa Malaysia bagi murid-murid Darjah Dua dari segi huruf, suku kata, dan gabungan bunyi mendapati kelemahan pelajar dalam bidang bacaan Bahasa Malaysia banyak bergantung kepada factor pengenalan bentuk dan bunyi huruf serta menggabungkan bunyi-bunyi. Beliau berpendapat kaedah suku kata adalah jalan terbaik dalam pengajaran bacaan awal tetapi perlu diperbaiki.

Isahak Haron (1979) pula telah menyarankan agar diperkenalkan beberapa huruf vokal dan konsonan terlebih dahulu kemudian terus membunyikan suku kata dan perkataan yang bermakna dalam satu pelajaran. Mereka tidak perlu diperkenalkan semua nama dan bunyi huruf abjad a-z.

Sofiah Hamid (1981) telah membuat eksperimen selama dua bulan untuk membuat perbandingan antara dua pendekatan pengajaran bacaan Bahasa Malaysia iaitu pendekatan 'Terus Membaca' dan pendekatan 'Abjad Suku Kata' di peringkat awal Darjah Satu. Melalui analisis data yang dibuat membuktikan pendekatan 'Abjad Suku Kata' adalah lebih berkesan daripada pendekatan 'Terus Membaca'.

Kajian berkaitan membaca al-Quran banyak berkisaran tentang penilaian terhadap kemahiran membaca al-Quran antaranya Maimunah Ismail (1995) dan Abdul Rahman Hassan (1999) tetapi tidak dikaitkan dengan pendekatan yang digunakan.

2.5 Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran

Keberhasilan proses belajar al-Quran ditentukan oleh dua faktor yang saling berkait rapat iaitu:

- i. Kualiti dan kemampuan guru atau tenaga pengajar.
- ii. Metodologi pengajarannya.

Kualiti dan kemampuan guru yang dimaksudkan dalam bidang al-Quran ialah mengerti dan memahami tentang selok belok bacaan al-Quran dan mengetahui konsep pengajaran dan pembelajaran al-Quran (Mohd Yusof 2000: 182). Selain daripada itu, guru juga mestilah tidak menggelabah dan gopoh-gapah dalam pengajarannya serta tahu kondisi dan kemampuan pelajarnya. Guru yang cemerlang mampu melahirkan generasi yang gemilang (Dachlan Salim Zakarsyi 1963).

Metod pengajarannya yang digunakan haruslah dikuasai dan difahami agar ia bersesuaian dengan tahap pelajarnya. Guru memainkan peranan penting dalam memastikan pembelajaran mencapai matlamat yang dikehendaki. Terdapat banyak kajian yang berkaitan perlakuan guru dan kesan-kesannya terhadap pencapaian pelajar dalam pendidikan sekolah. Kajian tersebut memperlihatkan kesan-kesan positif dan negatif mengenai sikap dan nilai prestasi guru terhadap pencapaian pelajar.

Mohd Yusof (2000:183) mentakrifkan konsep pengajaran dan pembelajaran al-Quran dengan lebih luas lagi iaitu merangkumi perkara-perkara berikut:

1. Menenal huruf-huruf al-Quran.
2. Boleh menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul dan jelas mengikut *makhraj* dan sifat-sifatnya.
3. Boleh membaca al-Quran dengan suara dan lagu yang baik.
4. Mengetahui maknanya.
5. Mengambil pengajaran dan iktibar dari kisah al-Quran.
6. Mengamalkan suruhan dan menjauhi larangan al-Quran.
7. Menghayati akhlak al-Quran.
8. Menghafaz ayat-ayat al-Quran.
9. Mengajar al-Quran kepada orang lain.

Memandang al-Quran bukannya ucapan manusia tetapi ia merupakan wahyu Allah S.W.T yang diturunkan kepada manusia secara *mutawattir* oleh Jibril A.S, maka cara pengajarannya dan bentuk bacaanya mestilah selari dengan bacaan yang dibacakan oleh Jibril A.S kepada baginda Rasulullah S.A.W (Mohd Yusof 2000: 162).

2.5.1: Metod Jibril A.S Mengajar Rasulullah S.A.W.

Pembelajaran al-Quran yang diterima oleh Rasulullah S.A.W adalah secara langsung dari Jibril A.S sebagai utusan Allah S.W.T . Jibril A.S menyampaikan isi kandungan al-Quran kepada nabi Muhammad S.A.W buat pertama kalinya semasa Rasulullah S.A.W sedang *ber'uzlah* (bersendirian) di Gua Hira'. Ayat yang mula disampaikan kepada Rasulullah S.A.W ialah surah *al-Alaq* ayat 1-5 yang dimulai dengan perkataan "iqra'" (bacalah). Jibril mengulang penyebutan perkataan *Iqra'* tiga kali kemudiannya diikuti oleh Rasulullah S.A.W dengan membacanya sesudah didengar dengan teliti (al-Būtī 1978:66).

Bacaan yang diajar kepada Rasulullah S.A.W itu sejajar dengan penurunan tajwid (Hassan Mahmud 1986:29), bukannya sekadar diajar untuk boleh membaca sahaja. Isi kandungannya pula mesti dihafal dan dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Justeru itu, Rasulullah S.A.W apabila turun al-Quran kepadanya, baginda tidak henti-henti membaca ayat-ayat itu sehingga Allah S.W.T menegaskan kepadanya supaya jangan tergopoh-gapah dalam bacaan (Abdul Halim 1980:7).

2.5.2: Metod Rasulullah S.A.W mengajar sahabat

Rasulullah S.A.W adalah orang yang pertama mempelajari dan menghafal al-Quran. Baginda juga menggunakan cara yang sama seperti yang diajarkan oleh malaikat Jibril A.S, iaitu dengan memperdengarkan bacaan kepada para sahabat kemudian diikutinya dan dihafalnya. Selain daripada itu, bagi mereka yang tahu menulis dan membaca dibenarkan mereka menulis ayat-ayat al-Quran untuk kegunaan mereka. Penulisan juga dilakukan bertujuan memudahkan hafalan. Ekoran daripada itu timbullah mushaf-mushaf persendirian seperti mushaf Ibn Mas'ud (Abdul Halim 1980:).

Hasil daripada cara pengajaran dan pengajian demikian lahirlah ramai penghafal al-Quran baik dikalangan golongan Muhajirin mahupun Ansar.

Jelasnya, proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran di peringkat sahabat adalah sepertimana cara Rasulullah S.A.W mula menerima wahyu dari malaikat Jibril A.S. kesan pengajaran ini boleh menambahkan bilangan mereka yang mampu membaca dan menghafal al-Quran dari semasa ke semasa.

Metod Pengajaran Al-Quran di Zaman Sahabat.

Pengajaran al-Quran menurut cara dan panduan yang diajarkan oleh Rasulullah S.A.W diteruskan di zaman sahabat. Proses pengajaran dan pembelajaran seperti ini diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Ia dikenali sebagai mutawatir.(Mohd Yusuf 2000:163). Hasil daripada cara hafalan secara musyafahah daripada guru telah melahirkan ramai penghafal al-Quran. Mengikut al-Sayuti dalam bukunya “*Tabaqat al-Huffaz*” seramai 124 orang penghafaz al-Quran sehingga tahun 147H (Abdul Halim 1980)

Pengajaran al-Quran secara hafalan ini tidak hanya terbatas kepada golongan dewasa sahaja tetapi dilakukan di peringkat kanak-kanak lagi. Ini jelas dari kenyataan Imam al-Syafie (w.204H) di mana beliau sendiri mempelajari al-Quran dan telah sempurna menghafal al-Quran ketika berusia sepuluh tahun (Sayuti 1951:154) dan ada diriwayatkan umurnya tujuh tahun.

Metod Pengajaran di Masa Kini (Malaysia)

Pengajaran al-Quran secara keseluruhannya boleh dibahagikan kepada lima kaedah iaitu membaca, menulis, menghafal, memahami dan menghayati (Maimunah 1995:97). Proses membaca al-Quran merupakan titik tolak dalam memahami isi kandungan al-Quran.

Memandangkan membaca al-Quran mesti mengikut bacaan Jibril A.S kepada Rasulullah S.A.W, maka ia mestilah memenuhi aspek sebutan huruf-huruf al-Quran dengan makhraj dan sifat-sifatnya yang menepati ciri bahasa Arab. (Mohd Yusuf 2000:164)

Oleh sebab itu, proses mengenali bentuk-bentuk huruf al-Quran dan membunyikannya perlu diketengahkan terutama kepada bangsa ajam ketika proses belajar membaca al-Quran. Proses pengajaran dan pembelajaran bacaan memerlukan kepada metod atau kaedah yang sesuai. Pelbagai kaedah membaca al-Quran diperkenalkan di Malaysia yang merupakan

kesinambungan daripada Indonesia antaranya ialah Kaedah Baghdadi, Kaedah Fonik (bunyi) dan kaedah terjemahan.

Belajar membaca al-Quran tidak dibolehkan mempelajarinya melalui mushaf sahaja tanpa mengambil bacaan daripada guru. Pembelajarannya boleh diambil samada secara guru membaca di hadapan, murid mendengar atau murid membaca dihadapan guru dan guru mendengar. (Hassan Mahmud 1985:33).

Kaedah Pembelajaran al-Quran di Malaysia.

Kaedah Baghdadi (kaedah Ejaan).

Kaedah Baghdadi ialah satu kaedah tertua dalam arus pembelajaran al-Quran di peringkat awal sejak zaman berzaman. Konsep Pembelajarannya adalah melalui guru membaca dan murid mendengar kemudian murid mengikut bacaan guru. Kaedah ini menekankan aspek mengenal huruf, tanda baris, dan bunyi yang terhasil melalui cara mengeja. Cara mengajarnya ialah guru akan menyebut semua nama-nama huruf dan baris yang terlibat serta bunyi yang terhasil seperti dalam mengajar basmalah: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Ba'sin man bawah bis, mim alif lam lam sabdu bawah mil, lam fatah la, ha' alif lam ra' sabdu bawah hir, ra' ha' mati atas rah, mim fatah ma, nun alif lam ra' bawah nir, ra' atas ra, ha' ya' mim bawah him: Bismillahirrahmanirrahim.

Proses-proses yang terlibat dalam kaedah ini ialah:

- a) Pengenalan nama dan bentuk huruf-huruf hijaiyyah tunggal dengan huruf alif sehingga huruf ya' dengan dimasukkan huruf lam-alif.
- b) Pengenalan bunyi huruf yang berbaris fathah (atas) dalam bentuk tunggal.
- c) Bunyi huruf yang berbaris di atas, di bawah dan di hadapan dalam bentuk tunggal diperkenalkan secara serentak untuk membezakan bunyi-bunyi.
- d) Pengenalan bunyi huruf yang berbaris dua atau tanwin dalam bentuk tunggal.
- e) Pengenalan sebutan mad (bacaan panjang) dimulai dengan semua huruf bergabung dengan huruf alif yang didahului dengan baris atas, kemudian dengan huruf ya' yang didahului dengan baris bawah dan akhirnya dengan huruf wau yang di dahului dengan baris depan.
- f) Pengenalan mim mati digabungkan dengan mim bersabdu dalam bentuk perkataan yang sama.
- g) Latih tubi perkataan, ayat pendek dan ayat panjang yang diambil sepenuhnya dari potongan ayat-ayat al-Quran.
- h) Pembelajaran diteruskan dengan juz' 'Amma bermula dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Naba'.

Kaedah ini merupakan kaedah tertua dalam arus pembelajaran al-Quran. Masa yang diperlukan untuk menamatkannya adalah sekitar 3-6 tahun. Susunan dan corak tulisannya tidak menarik minat untuk membaca. Hal ini menjadikan ramai masyarakat buta al-Quran kecuali mereka yang dipaksa dan berminat sahaja untuk membaca al-Quran. Kebanyakan daripada mereka tidak menghabiskan keseluruhannya buku ini memandangkan ia membosankan dan tulisannya (khat) yang sukar dibaca kerana tidak mengikut Rasm Uthmani. Oleh sebab itu, kini lahirlah banyak buku Muqaddam yang ditulis dalam Rasm Uthmani.

Kaedah ini hanya menggunakan sistem ejaan dan tidak memerlukan kepada bahan bantu mengajar. Pembelajarannya adalah bercorak pendidikan tidak rasmi. Ini bertentangan dengan prinsip mengajar yang digariskan oleh Dr Ahmad Tafsir (1990:24-28) iaitu :

i. Pengajaran hendaklah menarik minat:

Minat adalah kata kunci dalam pelajaran dan merupakan faktor utama yang mempengaruhi kebolehbacaan pelajar (Marohaini 1999:8). Perhatian akan datang selepas minat disemai. Proses menarik minat pada gaya kekreatifan dan kebolehan guru.

ii. Partisipasi murid dalam kegiatan belajar mengajar (suasana pembelajaran yang aktif ketika proses pembelajaran). Guru memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan suasana belajar yang menarik minat pelajar untuk terus belajar. Pembelajaran bukannya sekadar mendengar semata-mata tetapi ia adalah tindakbalas antara guru dan pelajar.

- iii. Prinsip pengulangan dapat membantu kemantapan kefahaman tentang aspek yang diajar.

- iv. Perbezaan individu. Perbezaan tahap kematangan pelajar menjadikan guru harus cekap mengenali dan menggunakan pendekatan pengajaran yang berbeza mengikut kesesuaian pelajar.

Kaedah Fonik.

Kaedah fonik ialah satu kaedah pembelajaran memperkenalkan bentuk-bentuk huruf serentak dengan bunyi tanpa diperkenalkan nama-nama huruf terlebih dahulu. Terdapat 4 buah buku yang diterbitkan menggunakan kaedah fonik sebagai teras pembelajarannya iaitu Qiraati, Iqra', al-Barqy dan al-Furqan.

Qiraati

Hj Dachlan Salim Zarkasyi merupakan pembelajaran al-Quran secara fonik di Indonesia. Beliau berpengalaman mengajar mengaji al-Quran menggunakan kaedah al-Baghdadi tetapi memperolehi hasil yang kurang memuaskan menjadikan beliau berusaha mencari alternative baru untuk mengajar membaca al-Quran dengan lebih mudah dan mampu membaca al-Quran secara tartil. Setelah dibuat penelitian, pengamatan dan percubaan selama bertahun-tahun, beliau telah menyusun kaedah baru dan

menamakannya sebagai Metode Praktis Belajar Membaca Al-Quran Qiraati pada tahun 1963.

Di peringkat awal pembukuan Buku Qiraati, ia berjumlah 10 jilid. Setiap jilid mempunyai 30 halamanyang dicetak dalam bentuk ukuran 10 x 15 cm dalam beraneka warna. Ia digunakan untuk semua peringkat usia. Kebanyakan Qiraati digunakan di tempat-tempat pengajian kampung, di surau-surau, di masjid-masjid di sekitar Kota Semarang. Kini, Qiraati telah dicetak dalam dua keadaan iaitu 3 jilid untuk golongan dewasa dan 5 jilid untuk peringkat kanak-kanak. Saiznya adalah menyamai buku Iqra'.

Ustaz Hj Dachlan amat menitik beratkan pentashihan guru mengajar. Buku Qiraati tidak Qiraati tidak dijual kepada semua orang dan semua tempat tetapi khusus kepada mereka yang layak mengajar Qiraati sahaja. Di Malaysia, orang yang bertanggung jawab sepenuhnya terhadap Qiraati ialah Ustaz Haji Masruh di Sungai Merab, Kajang.

Iqra'

Pada tahun 1980-an, penggunaan Qiraati mula berkembang di luar Kota Semarang terutama di Yogyakarta. Orang yang pertama menggunakan kaedah ini di Yogyakarta ialah Hj As'ad Humam. Hasil daripada pengalamannya mengajar mengaji al-Quran menggunakan kaedah Qiraati, beliau telah mnyusun satu yang bersumberkan kepada Qiraati dan menamakannya sebagai Iqra' Cara Cepat Belajar Al-Quran yang diterbitkan pada tahun 1988 dan mula berkembang di Malaysia pada tahun 1992 dan di cetak pada tahun 1993.

Qiraati mula masuk Malaysia pada Mei 1991 dan di cetak di Malaysia pada Julai 1991. Walau bagaimanapun Iqra' lebih cepat berkembang berbanding dengan Qiraati kerana Qiraati menitik beratkan pentashihan pengajar Qiraati dan ia tidak dijual secara meluas kecuali kepada guru yang telah ditashihkan bacaannya sahaja. Sedangkan Iqra' dijual secara meluas tanpa menitik berat siapa yang berhak mengajar.

Buku Iqra' disusun mengikut kaedah fonik sebagai teras pembelajaran al-Quran. Kaedah ini lebih dikenali dengan nama Iqra' kerana menggunakan buku Iqra' sebagai bahan bacaan. Perkataan "Iqra" bermaksud "bacalah" maksudnya membunyikan terus bunyi-bunyi huruf yang berbaris tanpa mengeja mengikut Rasm Uthmani. Kaedah ini diambil kerana sejarah pembelajaran al-Quran oleh Rasulullah S.A.W melalui malaikat Jibril A.S secara terus tanpa mengeja huruf demi huruf.

Kaedah ini mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1992, tetapi penggunaan kaedah ini telah lama dipraktikkan di Indonesia. Kaedah ini telah dipilih dan dilaksanakan sebagaisatu sukatan mata pelajaran al-Quran sekolah rendah dan menengah pada tahun 1994.

Teknik penyusunan buku Iqra' adalah seperti berikut:

- a) Iqra' 1: Membunyikan huruf-huruf hijaiyyah (28 huruf) yang berbaris di atas mengikut turutan.
- b) Iqra' 2: Membunyikan huruf-huruf berbaris di atas tetapi dalam bentuk suku kata atau huruf atau huruf bersambung antara 2-6 huruf/bunyi. Bacaan mad asli turut diperkenalkan iaitu yang melibatkan huruf alif sahaja.

- c) Iqra' 3: Baris bawah dan depan diperkenalkan dalam bentuk tunggal dan bersambung. Bacaan mad yang melibatkan huruf ya' dan wau juga turut disertakan.
- d) Iqra' 4: Pengenalan baris dua dalam perkataan diperkenalkan dan makhraj huruf juga turut disentuh melalui mematikan huruf-huruf tersebut dengan didahului huruf-huruf berbaris.
- e) Iqra' 5: Cara bacaan ketika wakaf (berhenti), huruf-huruf Muqatta'ah, Alif Lam Qamariah dan Alif Lam Syamsiah dan hukum lam.
- f) Iqra' 6: Hukum-hukum tajwid diperkenalkan tanpa dinyatakan nama-nama hukum. Cukup sekadar mengajar cara membacanya sahaja. Latihan pengukuhan diambil dari potongan ayat-ayat al-Quran.

Setiap buku yang dihasilkan menunjukkan cara mengajarnya yang berbeza. Cara mengajar kaedah Iqra' adalah seperti berikut:

- a) Membunyikan setiap huruf atau rangkai kata ayat tanpa mengeja.
- b) Tidak diperkenalkan huruf-huruf Hijaiyyah tetapi dinyatakan bunyi bacaannya sahaja.
- c) Samakan tekanan suara ketika membaca.
- d) Dimulai dengan teknik Tahqiq (membaca secara putus-putus) kemudian diikuti dengan teknik Tartil (membaca secara sambung).
- e) Jangan dilagukan.

Al-Barqy

Muhadjir Sulthon merupakan seorang guru al-Quran yang telah berkecimpung dalam dunia mengajar al-Quran baik di Madrasah Ibtidaiyyah (Sekolah Rendah), sekolah menengah dan masyarakat umum. Pada tahun 1965, ketika beliau mengajar kuliah di IKIP Surabaya, beliau mula menyusun satu kaedah untuk mempermudah belajar al-Quran. Setelah dibuat percubaan, ternyata kaedah ini hanya memerlukan masa pembelajaran 1 x 8 jam sahaja untuk mahasiswa dan kelas IV ke atas manakala bagi orang dewasa hanya 1 x 6 jam sahaja (Muhadjir Sulthon 1992: ii) Buku yang dimaksudkan ialah Al-Barqy: Buku Belajar Baca Tulis Huruf Al-Quran untuk TK (Taman Kanak-kanak), SD (Sekolah Dasar), dan Madrasah Ibtidaiyyah bagi SLTP (Sekolah Lanjutan Tingkat Permulaan), SLTA (Sekolah Lanjutan Tingkat Atas) dan Orang Dewasa: Memenuhi Sistem 8 Jam. Buku ini telah diterbitkan buat pertama kalinya oleh Pena Suci, Surabaya pada tahun 1992.

Buku tersebut telah dibuat susunan baru oleh Muhadjir Sulthon dengan kerjasama Arwani Sali dan Md. Iskandar MYA dan diterbitkan oleh Riyaadhul Ameen Sdn.Bhd. Ia telah dicetak buat pertama kalinya pada Ogos 2001. Namanya juga dibuat perubahan kepada “Kaedah Cepat Membaca Al-Quran Al-Barqy...secepat kilat”.

Terdapat banyak perbezaan antara al-Barqy cetakan lama dan al-Barqy cetakan baru antaranya ialah:

i. Bentuk buku

Buku al-Barqy lama bersaiz 10 x 15 cm dengan ketebalan 66 muka surat, manakala buku baru pula bersaiz A4 dan 77 muka surat. Al-Barqy keluaran baru lebih bermatlamatkan untuk menarik minat kanak-kanak membaca al-

Quran. Oleh sebab itu, ia dicetak dengan membesarkan tulisan dan berwarna warni serta kulit buku yang bercorakkan ilustrasi kanak-kanak belajar.

ii. Bilangan Buku

Seluruh proses pembelajaran dan pengajaran dimuatkan dalam satu jilid sahaja terbitan lama, tetapi telah dipecahkan kepada beberapa pakej pendidikan yang lengkap dalam terbitan baru iaitu Al-Barqy: Kaedah Cepat Baca Al-Quran, Al-Barqy: Kaedah Mudah Belajar Tajwid, Buku Bacaan Gharib Al-Barqy, Lancar al-Barqy 1&2: Buku Aktiviti Kaedah al-Barqy, Carta al-Barqy dan Carta Tajwid al-Barqy, Nasyid dan Panduan Bacaan al-Barqy, Kad Tunjuk al-Barqy, Buku dan VCD Panduan Mengajar al-Barqy.

iii. Isi Kandungan

Kedua-dua terbitan ini menggunakan kata kunci yang diolah dari 14 huruf yang sama tetapi kata kunci yang berbeza. 14 huruf tersebut ialah ن - و - هـ - يَ - ا - ب - ت - ج - د - ر - س - ك - ل - م -

Kata kunci mengikut al-Barqy cetakan lama ialah:

- i. a-da-ra-ja : اَدْرَجَ
- ii. ma-ha-ka-ya : مَا هَكَذَا يَ
- iii. ka-ta-wa-na : كَتَّ وَنَ
- iv. sa-ma-la-ba : سَمَلَبَ

Kata kunci mengikut al-Barqy cetakan baru pula ialah:

- i. na-ma-sa-ya : نَمَسَايَ
- ii. ka-ta-ja-wa : كَتَّ وَجَ
- iii. ka-ta-ra -ha : هَكَتَّ وَ

iv. a-da-la-ba : اَدَلَب :

Al-Barqy cetakan lama mendedahkan pelajaran tanwin selepas diperkenalkan kesemua huruf hijaiyyah, sebaliknya al-Barqy baru memperkenalkan pelajaran huruf pindahan. Pelajaran nama-nama huruf dalam al-Barqy cetakan lama diperkenalkan dengan al seperti al-ba' (الباء) bukannya ba' (باء). Ini bertujuan untuk membezakan antara huruf Qamariyyat dan huruf. Sebaliknya pengenalan nama-nama dalam al-Barqy cetakan baru tidak diperkenalkan dengan al tetapi dimasukkan huruf wau seperti هَمْزَة ا, : وِبَاء ب :

Al-Furqan.

Siri cepat membaca al-Quran Al-Furqan telah ditulis oleh Kamal Mahyuddin @ Che Awang Harun dan Zakiah bt. Yob dan diterbitkan oleh Publimas Enterprise pada Ogos 2001. Al-Furqan diolah menggunakan kaedah fonetik (bunyi). Ia disusun dan dijilidkan kepada 3 buah melalui 2 tahap. Kemahiran yang digariskan pada tahap 1 adalah seperti berikut:

- a. Mengenal dan membaca huruf asas al-Quran dengan menarik.
- b. Membaca pelbagai suku kata dalam pelbagai baris secara bertahap.
- c. Mengenal dan memahami fungsi baris dan tanda asas bacaan al-Quran.
- d. Membaca al-Quran seawal mungkin.

Bagi memastikan objektif ini tercapai ia diolah dalam dua jilid. Buku pertama memperkenalkan 14 huruf lazim mengikut keutamaan bunyi pertama yang keluar dari mulut bayi. Huruf-huruf tersebut ialah س ا و ن ب د ك م ه ف ج ت ي ل . penggunaan kad imbasan dan lagu-lagu yang menarik digunakan bersesuaian dengan tahap umur kanak-kanak iaitu 3 tahun ke atas. Pada tahap ini juga latihan suku kata perkataan bermakna diperkenalkan secara bertahap. Contohnya : “mana wawa baba, wawa baba ada”.

Pada buku 2 pula diperkenalkan 14 huruf baki dengan makhraj yang betul. Ia bermula dengan huruf baki mengikut turutan alfabet iaitu bermula dengan huruf tha "ث" . setiap huruf diperkenalkan 3 bunyi secara serentak iaitu huruf berbaris fathah, kasrah dan dammah. Selepas itu terus diperkenalkan bentuk-bentuk huruf bersambung. Kemahiran membezakan dan membahagikan bentuk dan bunyi huruf yang hampir sama dilengkapkan sebagai penutup buku 2.

Kemahiran pada tahap 2 pula ialah:

- i. Menguasai pelbagai bentuk kemahiran bacaan al-Quran.
- ii. Kemahiran tilawah, tartil dan tajwid al-Quran secara teori dan amali.
- iii. Hafalan bacaan solat dan ayat-ayat al-Quran utama.
- iv. Khatam al-Quran awal dengan bacaan yang baik, dan lancar.

Kaedah Hattawiyah (Kaedah Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi)

Kaedah ini kurang popular dan tidak sesuai untuk golongan kanak-kanak yang baru di peringkat awal pembelajaran al-Quran tetapi ia sesuai untuk mereka yang dewasa dan tahu membaca tulisan rumi atau untuk muallaf. Kerana kaedah ini menekankan transliterasi huruf dari huruf Arab ke huruf rumi kecuali huruf 'hamzah'. Penggunaan ini hanyalah di peringkat awal sahaja iaitu sekadar tahu membunyikan huruf semata.

Sebelum pembelajaran kaedah ini, ia terlebih dahulu memperkenalkan transliterasi huruf, baris, bunyi-bunyi yang tidak ada dalam susunan fonem Melayu, dan huruf yang hampir sama bentuk. Huruf yang tidak ada dalam fonem Melayu ada 7 iaitu ق،ص،ط،ظ،غ،خ. Teknik pembelajarannya dimulakan dengan huruf yang senang disebut dalam Bahasa Melayu. Susunannya adalah seperti berikut:

Pelajaran 1: Diperkenalkan huruf ب،ت،ك،ذ،ل

Pelajaran 2: Disusuli dengan huruf م،د،ه،ف،ي،ر

Pelajaran 3: Pengenalan huruf ا،ن،و،ق

Pelajaran 4: Diperkenalkan baki huruf ط،ظ،ز،ص،ء melalui cara bandingan bunyi. Huruf ط dibandingkan dengan huruf ت، manakala huruf ظ melalui bandingan bunyi ذ dan ر.

Pelajaran 5: Huruf ث،ش،س،ص dibandingkan dengan huruf transliterasi yang hampir sama, manakala huruf ه،ة diperhatikan dari segi bentuk huruf yang hampir sama. Kemudian digandingkan dengan bunyi hampir sama iaitu ه dan ح.

Pelajaran 6: Pengenalan huruf yang sukar disebut iaitu ع،ج،ض،خ.

2.1.14: Teknik Al-Baghdadi

Teknik ini diasaskan oleh Ustaz Jalaluddin bin Haji Hassanuddin al-Baghdadi dilahirkan pada 15 Januari 1970 di Kampung Berhala Gantang, Pahang. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang bahasa Arab dan pengajian al-Quran dari Universiti Saddam, Baghdad, Iraq pada tahun 1998. Teknik ini adalah penambahbaikan pada teknik Muqaddam. Ianya menggunakan bunyi yang dihasilkan oleh “alat ketuk” sebagai tempo untuk kanak-kanak membaca al-Quran mengikut tajwid yang sempurna.

Sebagai pelengkap kepada teknik ini, sebuah buku tajwid disertakan sekali. Ia mengandungi 10 bab yang menekankan prinsip asas dan amali tajwid.

Bagi menarik minat kanak-kanak, kad Al-Baghdadi digunakan untuk membantu menanamkan kecintaan yang mendalam dalam diri kanak-kanak bagi mempelajari al-Quran. Teknik Al-Baghdadi diterapkan dalam permainan kreatif dengan penggunaan kad al-Baghdadi akan mewujudkan suasana pembelajaran ceria, santai dan menyeronokkan untuk anak-anak kecil.

Kad Al-Baghdadi ini disusun dan dicipta oleh Puan Erni Yentti binti Amir dilahirkan pada 24 September 1981 di Ipoh, Perak.

Konsep pembelajaran asas Al-Quran menggunakan teknik intonasi ini adalah dengan memberikan bacaan satu huruf bersamaan dengan satu intonasi ketukan. Terdapat tiga mekanisme yang perlu dititikberatkan di dalam pelaksanaan pembelajaran dengan Teknik Al-Baghdadi iaitu guru perlu menekankan pengenalan bunyi bacaan bagi setiap huruf yang diperkenalkan, kemudian guru memperkenalkan bacaan yang disertakan dengan intonasi

ketukan dengan menggunakan alat ketuk dan diakhiri dengan bacaan bunyi-bunyi yang dipelajari tanpa menggunakan alat ketuk.

Sebagai contoh:

Pada pelajaran pertama dalam buku Tamhid Al-Baghdadi iaitu pada pelajaran satu di bahagian struktur “ SA ”, “ JA ” dan “ DA ”, setiap bunyi dibaca dahulu sehingga mahir di bawah penyeliaan tenaga pengajar. Terdapat beberapa psikologi pengajaran yang diaplikasikan ketika proses membaca ini. Umpamanya, persaingan antara kumpulan. Pelajar dipecahkan mengikut kumpulan untuk memastikan proses pengulangan berlaku. Proses pertama ini boleh dikukuhkan dengan penggunaan kad al-Baghdadi.


Setelah mahir membaca tiga bunyi yang diperkenalkan, langkah yang kedua adalah membaca serentak dengan intonasi ketukan. Di sinilah sebenarnya pengulangan dan latih tubi berlaku. Pelajar perlu membaca dan mengetuk secara serentak dengan menggunakan alat ketuk. Penyamaan ketukan sebenarnya adalah pendekatan psikologi yang mampu menghasilkan proses pengulangan bacaan bunyi-bunyi tersebut. Tanpa sedar, pelajar mengulang bacaan beratus-ratus kali tanpa rasa jemu.

Langkah yang terakhir, pembacaan semula bunyi-bunyi yang sama tanpa menggunakan alat ketuk. Ini kerana, objektif yang ingin dicapai sebenarnya adalah bacaan yang telah didisiplinkan menggunakan alat ketuk pada langkah kedua tadi. Bacaan bunyi-bunyi yang tepat akan dihasilkan dengan memberikan hak kepada setiap huruf yang dibaca dan sekaligus melahirkan bacaan yang tartil dan lebih jelas serta tepat kadar harakatnya.

3.10.1: Alat Ketuk

Alat bantu mengajar yang dicipta ini berfungsi untuk mendisiplinkan bacaan dengan memberikan satu intonasi ketukan kepada setiap huruf yang dibaca. Alat Ketuk ini terdiri daripada “ papan ketuk ” dan “ kayu ketuk ”. Dua lubang yang terdapat pada alat ketuk adalah sebagai jarak ketukan yang sebenarnya mengisi keperluan tempo bacaan yang akan mewujudkan pola bacaan mengikut intonasi yang ditanam ke dalam diri pelajar. Ketukan afdalnya bermula dari sebelah kanan ke kiri dan ke kanan semula. Begitulah seterusnya. Ketukan akan berterusan mengikut bilangan huruf yang dibaca.

Rajah 3.10.1: Penggunaan Alat Ketuk



Ketukan akan bermula dari sebelah kanan ke kiri seperti yang ditunjukkan pada anak panah bernombor 1 dan kembali semula ke kiri seperti yang ditunjukkan oleh anak panah bernombor 2. Begitulah seterusnya. Ketukan dan bacaan haruslah serentak.

3.10.2: Kad Al-Baghdadi (Kad Imbasan)

Kad Al-Baghdadi ini terdiri daripada dua warna iaitu kuning cair dan ungu muda. Kad al-Baghdadi yang berwarna kuning cair menunjukkan bunyi yang terdapat pada kad tersebut perlu dibaca dengan dua intonasi ketukan manakala bunyi yang terdapat pada kad al-Baghdadi berwarna ungu muda dibaca dengan satu intonasi ketukan sahaja. Penggunaan warna-warna ini diaplikasi untuk mengukuhkan visualisasi pelajar dengan memudahkan mereka mengingati bunyi-bunyi yang terdapat dalam pelajaran.

3.10.3: Set Al-Baghdadi *Playtime*

Set Al-Baghdadi *playtime* merupakan satu modul pelengkap yang dihasilkan oleh pengasas untuk tujuan pengukuhan daya ingatan pelajar terhadap penguasaan bunyi-bunyi asas al-Quran yang terdapat dalam buku Tamhid Al-Baghdadi. Ianya berupa set enam keping permainan kreatif yang mempunyai tema dan konsep permainan berbeza. Set permainan kreatif ini disusun bagi mencakupi kesemua lima domain yang diperlukan untuk memaksimumkan sepenuhnya penumpuan pelajar terhadap pembelajaran. Ab Aziz Mohd Yatim (2008) menyatakan kecerdasan pelajar terbahagi kepada lapan jenis iaitu kecerdasan

bahasa atau linguistik (keupayaan menguasai bahasa), kecerdasan muzik , kecerdasan logik-matematika, kecerdasan ruang, kecerdasan badan-kinestetik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan “ environmental or naturalist ”. Kecerdasan ini berbeza terhadap setiap individu bergantung kepada kecenderungan atau pendorongan kecerdasan. Justeru, menurut pengkaji, perlunya modul yang berbentuk penyepaduan kesemua jenis kecerdasan tersebut untuk membantu memaksimumkan kecemerlangan pencapaian pembelajaran pelajar yang terdiri daripada latar kebolehan yang pelbagai. Pengkaji menyetujui modul belajar lima domain sebagai aspek penting untuk mengukuhkan daya ingatan pelajar iaitu domain audio (pendengaran), domain visual (penglihatan), domain kognitif (proses aktif minda untuk memperolehi pengetahuan dan mendorong seseorang untuk belajar), domain afektif (melibatkan perasaan, nilai yang dipegang, sensitiviti dan persepsi individu) dan domain psikomotor (pergerakan tubuh atau apa sahaja pergerakan aktiviti dalam bentuk tingkahlaku). Kesemua domain ini telah dijana sepenuhnya melalui penggunaan warna, bentuk huruf, mekanisme permainan, sebutan huruf dan bunyi bacaan berintonasi serta pelbagai lagi dalam aktiviti pembelajaran Set al-Baghdadi *Playtime*.

3.10.4: Pembelajaran Secara Kelas

Berbeza dengan kaedah pembelajaran al-Quran yang lain, Teknik al-Baghdadi boleh dilakukan dalam bentuk kelas dengan memanfaatkan sepenuhnya masa yang diperuntukkan terhadap semua pelajar yang terlibat. Empat puluh minit masa yang diperuntukkan umpamanya dipenuhi dengan pelbagai aktiviti mengikut pelajaran. Ini kerana, dengan menggunakan alat ketuk sebagai alat bantu mengajar, ia berfungsi memudahkan tugas tenaga

pengajar bagi menyelia sepenuhnya kelas pengajaran. Penyamaan ketukan menggunakan mekanisme seperti yang disebutkan dari sekecil-kecil bilangan kumpulan sehingga kepada keseluruhan kelas memberikan satu latihan yang unik dan kreatif serta mengisi keseluruhan keperluan pembelajaran al-Quran yang berkesan dengan keterlibatan pelajar, bahan dan guru secara serentak. Teknik yang digunakan menyebabkan pelajar mengulang beratus-ratus kali tanpa sedar dan rasa jemu. Dari Wahbah al-Zuhaily (2001) dalam “ Tafsir al-Munir ” menyatakan pengulangan Iqra’ atau baca sebanyak tiga kali dengan tujuan menekankan kesungguhan arahan membaca. Ini kerana keupayaan membaca tidak dapat dikuasai melainkan dengan kesungguhan mengulang dan latihan

(Siti Fatimah Sudin 2002).

3.10.5: Pembelajaran Merentas Kurikulum

Buku Tamhid al-Baghdadi tidak disusun seperti mana lazimnya kaedah lain. Pelajaran pertama terus sahaja diperkenalkan dengan sebuah kalimah yang sekaligus memperkenalkan kombinasi tiga huruf daripada dua puluh lapan huruf yang boleh menerima tanda bacaan. Tiga huruf ini dipersembahkan dalam bentuk SAS (Struktur, Analisis dan Sintesis). Kalimah yang sebenarnya merupakan struktur digunapakai merujuk kepada kebiasaan kanak-kanak yang mudah mempelajari perkataan seperti bola, emak, ayah, susu dan sebagainya ketika mula-mula boleh bercakap, namun hanya mengetahui ejaan B-O-L-A tersebut ketika di tadika atau ketika darjah satu di sekolah rendah. Ini jelas menunjukkan kanak-kanak lebih mudah mempelajari sesuatu dalam bentuk kalimah atau struktur. Struktur itu kemudiannya dianalisis satu-persatu bunyi-bunyi yang terdapat padanya seperti bacaan pendek, bacaan panjang, dan

bacaan tanwin. Setelah dianalisis, bunyi-bunyi tersebut digabung jalin (sintesis) bagi menjelaskan kepada pelajar bahawa bunyi asas yang diperkenalkan pada peringkat struktur tadi boleh membentuk pelbagai lagi bunyi yang mungkin, di mana bunyi-bunyi inilah yang menjadi asas kepada pembentukan ayat-ayat yang terdapat dalam tiga puluh juzuk al-Quran. Justeru, tidak mustahil mengapa ia praktikal untuk membolehkan pelajar dapat membaca al-Quran walaupun dengan hanya satu buku yang tipis sahaja. Dengan hanya satu pelajaran, pelajar diajar mengenai bacaan pendek, mad dan tanwin. Dalam masa yang sama, pelajar didisiplinkan membaca dengan memberi hak setiap huruf dan diajar bagaimana untuk membaca perkataan yang bersambung sekaligus menghayati bunyi-bunyi yang lain yang boleh digabung jalin bagi membentuk lebih banyak kalimah.

3.10.6: Peranan Otak Dan Kaitannya Dengan Penumpuan Pembelajaran Al-Quran Menggunakan Teknik Al-Baghdadi

John P.J Pinel (1999) dalam salah satu penulisannya menyebut hemisfera kiri otak mempunyai fungsi eksklusif ke atas pergerakan dan bahasa manakala hemisfera kanan otak khusus ke atas emosi, kreativiti, muzik dan memori. Dalam Teknik al-Baghdadi, penekanan terhadap ritma-ritma dalam muzik yang diperkenalkan sebagai intonasi bagi mendisiplinkan bacaan dan diiringi dengan ketukan (gerakan) mengaktifkan kedua-dua hemisfera otak. Kemahiran tersebut merangsang kreativiti pelajar dan mewujudkan tumpuan yang tinggi terhadap pembelajaran sehingga menyebabkan pelajar mampu mengingati setiap pelajaran yang diajar. Ini telah dibuktikan dalam Projek Pilot dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga dengan lahirnya anak-anak al-Baghdadi seperti adik Sofiyah Jamilah Binti Mohd Saidi (lima tahun) dan ramai lagi. Mereka mampu membaca al-Quran

setelah tamat buku asas Tamhid al-Baghdadi dalam tempoh 22 hari, 3 minggu, 14 hari, 63 hari dan sebagainya yang rata-rata tidak melebihi dari 3 bulan. Bahkan ada yang cukup bersedia mengajarkannya kepada orang lain sehingga dalam usia yang masih muda.

3.10.7: Teknik Al-Baghdadi Mengasah Psikomotor.

Psikomotor merujuk kepada kombinasi kemahiran kognitif (yang melibatkan pengetahuan terhadap apa yang perlu dilakukan) dan kemahiran motor (kemahiran terhadap pelaksanaan yang betul). Melalui jadual Dimensi Kemahiran “ Motor-Kognitif ” dalam halaman 7 pada buku yang ditulis oleh Richard dan Craig (1941), jelas menunjukkan Teknik al-Baghdadi melibatkan kemahiran kognitif seperti di mana perlu kayu ketuk tersebut diketuk, ketukan yang perlu disesuaikan dengan bacaan, pertimbangan terhadap satu huruf yang mempunyai hak satu intonasi ketukan dan sebagainya dan kemahiran motor seperti menggerakkan kayu ketuk tersebut. Bukti kajian menyatakan pergerakan motor yang berulang-ulang boleh meningkatkan tahap pembelajaran motor seseorang (Richard dan Craig 1941). Pendekatan belajar seperti yang disebut oleh Ab Aziz Mohd Yatim (2008) melibatkan perbincangan dengan rakan, aktiviti, penyelesaian masalah dan seumpamanya melibatkan domain psikomotor. Pembelajaran yang melibatkan pergerakan dan aktiviti akan menimbulkan keseronokan seterusnya meningkatkan keupayaan untuk mengingat sesuatu maklumat (Ab Aziz Mohd Yatim 2008). Dalam Teknik al-Baghdadi, aktiviti yang pelbagai dan pergerakan yang diterap melalui penggunaan alat ketuk memanfaatkan sepenuhnya domain psikomotor ini. Justeru, pelajar yang diterapkan dengan Teknik al-Baghdadi seronok dan ingat apa yang mereka pelajari. Menurut Richard an Craig (1941), pencapaian kemahiran adalah lebih tinggi jika seseorang tersebut boleh memenuhi keupayaan psikomotor

yang diperlukan, mencapai tahap kematangan yang memuaskan, mempunyai pengalaman pergerakan yang sesuai dengan pelaksanaan sesuatu tugas, bermotivasi dan berupaya untuk mengekalkan tahap emosi yang optimal untuk pelaksanaan tugas berbanding dengan mereka yang kurang salah satu perkara yang disebutkan. Kesimpulannya, pelajar yang sesuai dengan Teknik al-Baghdadi dan memberi sepenuh penumpuan terhadap pembelajaran adalah pelajar yang berkemahiran lebih tinggi berbanding dengan pelajar-pelajar lain.

3.10.8: Kad al-Baghdadi pelengkap Teknik al-Baghdadi

Kad al-Baghdadi dihasilkan sebagai pelengkap kepada siri mudah belajar dan mengajar al-Quran Teknik al-Baghdadi. Ibubapa dan guru dinasihatkan mengikuti kursus-kursus Teknik al-Baghdadi yang disediakan agar mencapai tahap pencapaian yang paling maksimum dalam penggunaan kad al-Baghdadi.

Kad al-Baghdadi merupakan satu pendekatan baru yang mengubah cara anak-anak kecil mengenali, mempelajari dan seterusnya mampu untuk membaca al-Quran dengan lancar di usia muda. Pendekatan dan kaedah ini juga terbukti mampu menjadikan pengajian al-Quran sebagai satu aktiviti yang menyeronokkan buat anak-anak dan pelajar. Secara tidak langsung, perasaan rindu untuk belajar al-Quran dapat dipupuk dalam jiwa anak-anak kecil dan para pelajar.

3.10.9: Mengapa belajar sambil bermain ?

Di zaman globalisasi ini ibubapa sentiasa mencari ilmu keibubapaan yang kebanyakannya disusun oleh cendekiawan dari Barat. Buku demi buku kita lihat seawal usia anak sehari sehinggalah mereka meniti alam remaja. Peredaran zaman menjadikan ibubapa alpa dengan apa yang junjungan agung Nabi Muhammad S.A.W wariskan buat kita umat

akhir zaman. Ini bersesuaian dengan sabda junjungan Nabi S.A.W. yang bermaksud : “ Setiap anak itu dilahirkan dalam keadaan fitrah, maka kedua ibubapanyalah yang akan menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi ”. Maka proses mendidik dan mendedahkan sesuatu yang bakal membentuk kehidupan masa depan anak-anak kita adalah terletak sepenuhnya ditangan kita sebagai ibubapa.

Sememangnya jiwa anak kecil tidak dapat dipisahkan dari aktiviti bermain dan permainan. Fitrah si kecil yang suka bermain menyebabkan rumah dipenuhi dengan lambakan permainan, dari sekecil-kecil hinggalah ke sebesar-besar permainan.

3.10.10: Bagaimana Kad al-Baghdadi membantu ?

Kad al-Baghdadi diilhamkan untuk membantu anak-anak belajar al-Quran menggunakan teknik ketukan dan intonasi dalam suasana yang menghiburkan. Teknik yang baik tidak semestinya menjadi yang terbaik apabila disampaikan dengan cara yang kurang sesuai kepada kanak-kanak. Pelbagai pendekatan perlu dilakukan untuk mengelakkan anak-anak berasa bosan dan tertekan dengan pelajaran baru. Kad al-Baghdadi ini direka bukan sahaja khusus dan amat sesuai untuk anak-anak kecil serta para pelajar sahaja, tetapi mengambil kira peranan penting yang dimainkan oleh ibubapa dan guru sebagai pembimbing dan pendidik yang seharusnya menjiwai fitrah kanak-kanak yang gemar bermain. Secara tidak langsung, ia turut memberi dimensi baru terhadap komunikasi dalam dunia pendidikan awal anak-anak dengan ibubapa mahupun guru-gurunya di sekolah khususnya dalam pendidikan al-Quran.

3.10.11: Adakah anak-anak kecil bersedia ?

Teknik mengajar kemahiran asas membaca al-Quran menggunakan kad al-Baghdadi ini dicetuskan khusus untuk pelajar-pelajar tadika bermula dari umur 4 tahun. Namun begitu, berdasarkan pengalaman bahawa anak yang belum mencecah umur 3 tahun boleh turut serta kerana terpujau dengan keseronokan bermain. Sekiranya anak-anak dan pelajar anda masih belum bersedia, tunggulah tiga bulan dan lihat perkembangannya. Kesemua permainan kreatif kad al-Baghdadi boleh dimainkan bersama anak-anak kecil dan para pelajar yang tidak mengenal huruf mahupun yang sudah mengenal tetapi kurang mahir dengan tanda bacaan.

3.10.12: Adakah kita bersedia ?

Proses menuntut ilmu adalah berterusan tanpa mengira peringkat umur. Kad al-Baghdadi terbukti mampu membantu ibubapa mahupun guru-guru di tadika dan sekolah dalam menyampaikan pengajaran al-Quran diperingkat awal anak-anak dan para pelajar.

Faktor 5B berikut boleh dijadikan pedoman buat golongan pembimbing dan pendidik yang menyampaikan ilmu al-Quran dengan cara menyeronokkan buat anak-anak kecil:

1. Berjenaka.
Lakonan pelbagai aksi keanak-anakan kerana anak kecil amat sukakan sesuatu yang melucukan.
2. Bersemangat.
Anak-anak pasti akan lebih bersemangat sekiranya kita menunjukkan semangat yang tinggi untuk mengajar al-Quran.
3. Bersabar.
Tahap perkembangan anak-anak berbeza dan kita perlu mengenalpasti tahap kemampuan mereka dengan penuh kesabaran.
4. Berfikiran Positif.
Sentiasa memberi galakan kepada anak-anak, mereka sukakan pujian dan raihanlah pencapaian mereka dengan pelbagai penghargaan.

5. Ajarlah anak-anak mengenal kemahiran asas membaca al-Quran dengan baik dan jangan paksa anak-anak untuk cepat khatam al-Quran.

3.10.13: Panduan Menggunakan Kad Al-Baghdadi

Kad al-Baghdadi disusun bertepatan dengan perkembangan pendidikan awal anak-anak dan para pelajar khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Set ini mengandungi 312 keping kad yang dikategori kepada 11 kelompok pembelajaran (pelajaran 1 hingga pelajaran 11 di dalam buku Tamhid al-Baghdadi). Kad ini dihasilkan daripada gabungan empat elemen, iaitu:

- a) Warna-warna ceria.

Kanak-kanak sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan warna. Penggunaan kad yang berwarna mampu menarik perhatian mereka disamping dapat meningkatkan daya konsentrasi anak-anak dalam proses pembelajaran. Penggunaan warna-warna berbeza ini mampu membantu pelajar untuk membezakan jumlah ketukan atau intonasi setiap bacaan. Kad al-Baghdadi ini menggabungkan kombinasi dua warna, iaitu ungu dan kuning. Berikut ialah panduan membaca kad berpandukan dua warna yang berbeza ini.

Kad	Jenis Bacaan	Bilangan Bunyi	Jumlah Ketukan
Kad Ungu	Pendek	1	1
Kad Kuning	Panjang & Tanwin	2	2

b) Penggunaan Motorik Halus: Pergerakan Mulut Dan Tangan.

Penggunaan motorik halus sudah lama dipraktikkan dalam teknik pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Teknik al-Baghdadi turut mengaplikasikan teknik ini sebagai langkah pertama untuk memperkenalkan huruf-huruf al-Quran kepada anak-anak dan para pelajar. Penggunaan kaedah ini merupakan pendekatan baru dalam pengajaran al-Quran di mana pergerakan mulut dan jari jemari digunakan bagi membantu pelajar mengenal tanda baris dan juga bacaan dengan lebih cepat dan jelas. Disamping ia dapat mempercepatkan proses menguasai pembelajaran al-Quran, gabung jalin ini turut memberi kesan positif dalam pelajaran bahasa anak-anak dan para pelajar.

TANDA BARIS	BUNYI	MULUT	JARI
Fathah	“ a ”	Dibuka Luas	Hi-Five (letakkan 5 jari di pipi)
Kasrah	“ i ”	Senyum	Ibu jari dan jari kelingking dibuka
Dhommah	“ u ”	Muncung	Semua jari dikucup

- c) Mengenal huruf dan tanda bacaan sambil bermain.

Penggunaan kad al-Baghdadi terbukti menjadi suatu aktiviti yang menyeronokkan buat anak-anak. Pengajian al-Quran tidak lagi menjadi bebanan buat kanak-kanak kerana mereka boleh belajar dalam keadaan fleksibel tanpa mengira tempat, waktu dan masa. Sebagai contoh, perjalanan panjang di dalam kereta tidak lagi menjadi bosan dengan adanya kad al-Baghdadi. Buku Tamhid al-Baghdadi dan alat ketuk yang disediakan juga turut memainkan peranan utama dalam mengenalpasti tahap pencapaian bacaan anak-anak. Mereka belajar dalam keadaan santai dan suasana yang penuh ceria.

- d) “ Sikit-sikit lama-lama jadi bukit ”.

Kad al-Baghdadi menggunakan pendekatan ini untuk anak-anak yang baru hendak mengenal al-Quran. Untuk ibubapa di rumah, memadai dengan memperkenalkan tiga bunyi sahaja dalam satu hari.

Berikut ialah cadangan tempoh yang boleh dipraktikkan oleh ibubapa dan guru-guru di tadika dan sekolah :

a) Pengajian di rumah oleh ibubapa:

1 hari = 3 kad bunyi.

Ibubapa hanya perlu meluangkan masa selama 30 minit. InsyaAllah sekiranya anda istiqamah dengan 3 kad dalam sehari, anda bayangkanlah hanya beberapa bulan sahaja diperlukan untuk menghabiskan kad al-Baghdadi yang mengandungi 312 kad, dan anak anda telah mempunyai asas bacaan al-Quran yang cemerlang. Jangan lupa untuk menyanyikan intonasi al-Baghdadi agar anak-anak lebih mudah menguasai bunyi dan mengecam huruf dan tanda baris.

b) Pengajian di tadika oleh guru:

Tempoh pengajian al-Quran	Bilangan kelas dalam seminggu (hari)	Bil bunyi	Jumlah kelas yang diperlukan	Jumlah jam
----------------------------------	---	------------------	-------------------------------------	-------------------

1 jam	3	6	52	52
30 minit	4	3	104	52

Tempoh masa latih tubi diperlukan untuk setiap pelajaran dan ini berbeza mengikut tahap penguasaan anak-anak dan para pelajar.

i) Bonus untuk guru

1. Mempercepatkan proses P&P – boleh mengajar jumlah yang ramai serentak.
2. Kedudukan pelajar mampu mengelakkan pelajar tercicir dalam proses pembelajaran.
3. Memudahkan guru untuk memantau pelajar yang lemah.

ii) Impak kepada pelajar:

1. Menanam semangat kerjasama dalam diri anak-anak.
2. Menanam keyakinan diri pelajar.
3. Anak-anak dapat belajar sepenuhnya di dalam masa pembelajaran yang telah ditetapkan.
4. Mengukuhkan daya ingatan anak-anak dan pelajar untuk jangka panjang kerana proses pengulangan pembelajaran yang berlaku.

Kad al-Baghdadi memudahkan penulis untuk mengawal dan mengajar murid dalam jumlah yang ramai (maksimum 20 orang kanak-kanak). Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran boleh dilakukan serentak dan pendekatan ini mampu mengelakkan murid daripada tercicir dalam kelas hasil daripada teknik ulangan yang diaplikasikan.

Ini kerana, kajian menunjukkan bahawa sekiranya sesuatu perkara yang baru dipelajari dan diulang-ulang sehingga lebih daripada 60 kali, ia akan tersimpan di dalam long-term memory (ingatan jangka panjang).

3.10.14: Sistem Nombor Kad Al-Baghdadi

Pelajaran 1 hingga pelajaran 9 menggunakan sistem nombor yang sama kerana teknik ulangan yang digunakan. Ini kerana pada peringkat ini, pelajar-pelajar sudah mahir mengenali bacaan pendek, mad dan tanwin. Berikut ialah panduan sistem nombor kad al-Baghdadi:

Pelajaran	Set A (Huruf)	Set B (Huruf)	Set C (Huruf)	Set D (Huruf)	Catatan
1	س	ج	د		Setiap satu set huruf mengandungi 9 kad yang dinombokan. Contoh untuk pelajaran 1 huruf pertama iaitu سَ: سَ (1a1) • '1' yang pertama bermaksud pelajaran 1.
2	م	ه	ر		
3	و	ك	ل		
4	ن	ب	ت		
5	أ	ي			
6	ث	ذ	ز	س	
7	ع	ف	ح		

8	ص	ض	ط	ظ	<ul style="list-style-type: none"> • ‘a’ bermaksud huruf pertama dalam pelajaran 1. • 1 di hujung baris fathah. • Untuk bacaan pendek: 1a1 – 1a3. • Untuk bacaan mad: 1a4-1a6. <p>Untuk bacaan tanwin:</p> <p>1a7-1a9.</p>
9	ق	خ	غ		
10					
11					

Pelajaran 10 dan Pelajaran 11 berbeza kerana ia memperkenalkan bacaan sukun dan sabdu.

Pelajaran	Bil Huruf	Bacaan Sukun	Bacaan Sabdu	Catatan
10	14	10a1 Hingga 10n1	10a2 Hingga 10n2	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam setiap pelajaran terdapat kad ا yang dilabel sebagai 10 dan 11 masing-masing. • Contoh kad:a(10) <ul style="list-style-type: none"> - سُ Sukun (10a1) - سَّ Sabdu (10a2) • Contoh kad:a(11) <ul style="list-style-type: none"> - سُت Sukun (11a1) - سَّت Sabdu (11a2)
11	14	11a1 Hingga 11n2	11a2 Hingga 11n2	

--	--	--	--	--

3.10.15: Permainan Kreatif Kad al-Baghdadi

Permainan kreatif ini telah disusun mengikut kategori dan objektif yang ingin dicapai dalam setiap pembelajaran. Berikut adalah kategori permainan kreatif menggunakan kad al-Baghdadi:

- a) Permainan Induksi: Untuk memperkenalkan 3 jenis bacaan kepada pelajar, iaitu bacaan pendek, bacaan panjang (mad) dan bacaan tanwin.
- b) Permainan Ulangkaji: Sebagai latihan pengukuhan terhadap 3 bunyi yang diperkenalkan, kesemua 9 bunyi bacaan yang berbeza bagi setiap huruf Hijaiyyah dan jumlah bunyi mengikut setiap pelajaran.
- c) Permainan Pengukuhan: Sesuai dilakukan di dalam kelas, bersama ibubapa di rumah dan di dalam kereta semasa perjalanan jauh.

3.10.15.1: Permainan Induksi

Permainan Induksi: Untuk memperkenalkan bacaan huruf-huruf yang baru kepada anak-anak dan pelajar, iaitu bacaan pendek, bacaan panjang (mad) dan bacaan tanwin.

Berikut adalah beberapa contoh permainan yang mampu menarik minat pelajar dan menanamkan semangat ingin tahu yang tinggi dalam diri mereka.

3.10.15.1.1: Kapal Terbang Tinggi

Objektif: Memperkenalkan bacaan pendek (kad ungu) dengan aktiviti yang santai dan ceria. Disamping itu, ia bertujuan mengasah minda pelajar untuk berimajinasi.

Bahan: Kad al-Baghdadi, 3 kapal terbang yang diperbuat daripada kertas surat khabar dan tali.

Cara Bermain: Guru memasuki kelas dengan tangan memegang kapal terbang tinggi di udara yang membawa kad ungu pertama (baris fathah). Guru bertanya kepada pelajar siapa yang mahu menaiki kapal terbang. Para pelajar dikehendaki berdiri dengan mengangkat tangan tinggi dan kapal terbang bersedia untuk mendarat. Ceritakan kepada murid nama kapal terbang tersebut ialah سَ (sa) dan tepuk paha kanan sebanyak 1 kali. Lekatkan kapal terbang yang sudah “ mendarat ” berserta kad س (sa) di papan putih. Ulang untuk kad س (si) dan س (su).

Kemahiran: Permainan ini membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran mendengar apabila pelajar fokus terhadap bunyi yang dikeluarkan oleh setiap kapal terbang. Disamping itu, pendekatan ini menjadikan proses pengajian dan pembelajaran (P&P) lebih mneyeronokkan dan tahap konsentrasi pelajar di dalam kelas dapat ditingkatkan.

3.10.15.1.2: Jom Naik Keretapi Ke Baghdad

Objektif: Memperkenalkan bacaan mad/ panjang (kad kuning) kepada pelajar.

Bahan: Kad al-Baghdadi.

Cara Bermain: Guru melukis kepala keretapi di papan hitam dan menunjukkan tiga gerabak yang kosong. Gerabak ini perlu diisi sebelum bertolak ke Baghdad. Jelaskan kepada pelajar warna gerabak ialah kuning dan perlu ditepuk sebanyak dua kali. Guru beraksi seperti memandu keretapi dan meletakkan kad bacaan mad dalam gerabak sambil menyebut bunyi bacaan dan menepuk papan hitam. Ulang sehingga selesai ketiga-tiga bacaan mad.

Kemahiran: Melalui aktiviti ini, pelajar dapat mengasah kemahiran mendengar dan menanamkan sikap positif dalam diri mereka untuk mempelajari al-Quran. ini kerana setiap jenis bacaan diperkenalkan dalam suasana yang berbeza.

3.10.15.1.3: Tiga Belon Kuning

Objektif: Memperkenalkan bacaan tanwin (kad kuning) kepada pelajar.

Bahan: Kad al-Baghdadi, belon kuning, tali, pelekat dan marker pen.

Cara Bermain: Guru memegang tiga biji belon yang dilekatkan kad kuning (kad bacaan tanwin) pada setiap talinya. Fathataani (baris dua di atas) diperkenalkan kepada pelajar dengan melukis tandanya di atas belon. Contoh- guru menyebut “ san ” sambil menepuk kedu-dua belah peha. Setelah selesai, belon diikat pada kerusi guru. Aktiviti ini diulang-ulang untuk kesemua bacaan tanwin. Di hujung pengajaran, pelajar yang berjaya menyebut kesemua bacaan tanwin dengan baik akan dihadiahkan dengan sebiji belon.

Kemahiran : Kemahiran mendengar dan membaca bacaan tanwin dapat digilap. Penggunaan belon amat menarik pelajar dan secara tidak langsung ia mampu mengasah pemikiran yang kreatif dikalangan mereka. Hadiah yang diberi mampu membina keyakinan diri pelajar dan menggalakkan mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan penghargaan.

3.10.15.4: Posmen Dari Baghdad

Objektif : Memperkenalkan bacaan dan bunyi baru (kad ungu atau kuning) kepada anak-anak dan pelajar.

Bahan : Kad al-Baghdadi dan sampul surat pos laju.

Cara Bermain : Guru berlakon sebagai seorang posmen yang datang dari Baghdad dengan membawa 3 pucuk surat yang berisi 3 huruf dan bunyi yang baru. Anak-anak diminta membaca isi surat tersebut dengan bantuan guru. Kemudian setiap anak diminta membalas surat tersebut dengan menulis bentuk huruf yang diterima dari Baghdad di atas sekeping kertas. Kemudian guru meminta anak-anak menghantar surat mereka kepada posmen di hadapan serta membacanya sebelum dihantar ke Baghdad.

Kemahiran : Meningkatkan daya kreativiti dalam menguasai sesuatu yang baru, disamping menyerlahkan bakat anak-anak.

3.10.15.2: Permainan Ulangkaji

Permainan ulangkaji ada merupakan aktiviti pengukuhan terhadap huruf-huruf baru yang telah dipelajari oleh anak-anak. Aktiviti permainan ini perlu melibatkan kesemua 9 pecahan bunyi bacaan yang berbeza (bacaan pendek, panjang (mad) dan tanwin) bagi setiap huruf yang dipelajari.

3.10.15.2.1: Main Bisik-Bisik

Objektif: Permainan ini direka sebagai proses ulangkaji 3 bunyi yang dipelajari tanpa disedari oleh pelajar. Disamping itu, ia mampu meningkatkan daya imaginasi serta mengasah daya ingatan pelajar.

Bahan: Kad al-Baghdadi

Cara Bermain: Anak-anak diajak untuk menaiki kapal terbang setelah selesai mengaji. Mereka mesti mendapatkan tiket (kad al-Baghdadi) yang dipegang oleh guru/ ibubapa. Sekiranya dijalankan dalam bentuk kumpulan, ketua kumpulan perlu membisikkan bunyi berserta jumlah ketukan kepada guru apabila diberikan tiket. Sekiranya betul, ketua kumpulan akan kembali kepada kumpulan yang duduk dalam bulatan dan membisikkan bunyi tiket (bunyi huruf pada kad al-Baghdadi yang diterima) kepada rakan yang duduk sebelah kanannya. Seterusnya rakan tersebut akan terus berbisik kepada rakan sebelah kanan masing-masing sehingga semua ahli selesai berbisik. Guru akan mengetuk dan membunyikan bacaan di papan hitam. Kumpulan yang memegang tiket tersebut akan menunjukkan kad kepada kelas.

Kemahiran : Aktiviti ini membantu pelajar untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan membaca disamping mengasah kemahiran berkomunikasi. Ia terbukti mampu meningkatkan keyakinan dalam diri pelajar dan pelajar yang lemah tidak akan tercicir dalam proses P&P.

3.10.15.2.2: Hilang Di Kota Baghdad

Objektif: Memperkukuhkan penguasaan anak-anak dan pelajar terhadap bunyi dan bentuk huruf yang dipelajari.

Bahan: Kad al-Baghdadi.

Cara Bermain: Guru mengimbaskan kesemua kad yang akan diulangkaji kepada anak-anak. Kemudian guru melekatkan kesemua kad tersebut pada papan putih yang telah dilukis Kota Baghdad antara 3 hingga 6 keping kad dalam satu-satu masa. Setelah dibaca bersama, guru meminta anak-anak menutup mata mengikut kumpulan. Guru membuang salah satu kad di

papan putih, kemudian diminta anak-anak membuka mata dan menyebut bunyi huruf yang hilang. Ulang kad-kad yang lain bagi kumpulan yang lain.

Kemahiran: Meningkatkan kemahiran mengecam bunyi bacaan dan bentuk huruf disamping memperkukuhkan daya ingatan.

3.10.15.2.3: Ular Baghdad

Objektif: Ulangkaji bacaan-bacaan yang telah dipelajari sambil bermain dam al-Baghdadi.

Bahan: Kad al-Baghdadi, buah dadu dan penanda.

Cara Bermain: Susun kad al-Baghdadi yang telah dipelajari satu per satu secara rambang membentuk ular yang panjang. Anak-anak atau pelajar akan melontar dadu untuk menentukan bilangan tapak untuk bergerak samada secara individu atau berkumpulan. Gerakkan penanda mengikut bilangan pada buah dadu yang telah diperolehi. Pada setiap kad yang dilalui pemain dikehendaki menyebut bunyi pada kad dengan tepat. Sekiranya, bunyi yang disebut tidak tepat maka pemain dikehendaki kembali ke kotak asal. Pemegang ditentukan mengikut siapa yang sampai terlebih dahulu di hujung ular tersebut.

Kemahiran: Aktiviti ini bertujuan untuk menguji ingatan pelajar terhadap bunyi-bunyi yang dipelajari.

3.10.15.2.4: Misteri Kotak Hitam

Objektif: Ulangkaji bacaan-bacaan yang telah dipelajari.

Bahan: Kad al-Baghdadi dan kotak hitam.

Cara Bermain: Semua kad al-Baghdadi yang telah dipelajari dimasukkan ke dalam kotak hitam. Anak-anak atau pelajar dikehendaki mencabut satu kad dari kotak hitam dan menyebut dengan tepat bunyi huruf yang terpilih secara individu atau berkumpulan. Sebutan yang tepat akan diberi markah penuh. Pemain yang mengumpul markah tertinggi adalah pemenang.

Kemahiran : Aktiviti ini bertujuan untuk menguji ingatan pelajar terhadap bunyi-bunyi yang dipelajari disamping menyuburkan keyakinan diri.

3.10.15.3 : Permainan pengukuhan

Aktiviti permainan pengukuhan amat sesuai dilakukan bersama ibubapa di rumah dan di dalam kereta semasa perjalanan jauh. Ia juga boleh dilakukan di tadika atau sekolah bersama para pelajar.

3.14.15.3.1: Kembara Dalam Kereta

Objektif: Untuk memanfaatkan masa dan mengelakkan rasa bosan dalam perjalanan jauh.

Bahan: Kad al-Baghdadi dan blue tack.

Cara Bermain: Ibu atau bapa membunyikan bacaan bersama ketukan dengan tangan. Anak-anak diminta mencari kad tersebut. Sekiranya kad itu betul, anak-anak diberi blue tack untuk dilekatkan di cermin tingkap kereta bahagian tepi.

Kemahiran: Aktiviti ini bertujuan untuk menilai tahap ingatan dan kemahiran pelajar serta anak-anak terhadap bunyi dan bentuk huruf yang telah dipelajari. Disamping ianya boleh meningkatkan daya kreativiti anak-anak apabila aktiviti ini dilakukan oleh anak-anak sesama mereka.

3.10.15.3.2: Tampal-tampal Kertas.

Objektif: Ulangkaji bunyi dan bacaan yang telah dipelajari dengan pendekatan kreativiti anak-anak dan pelajar.

Bahan: Kad al-Baghdadi, surat khabar, gam dan kertas.

Cara Bermain: Lekatkan kertas-kertas yang tertulis “ outline ” pada dinding. Guru menyebut satu bacaan bersama dengan ketukannya. Pelajar berbaris dalam satu barisan panjang dan menunggu giliran masing-masing untuk mencabut kertas daripada dinding setelah berjaya menunjukkan kepada guru bentuk bacaan yang betul. Seterusnya, surat khabar diberikan kepada anak-anak bagi mengisi bentuk huruf tersebut dengan potongan surat khabar yang telah digam.

Kemahiran: Aktiviti ini bertujuan untuk menguji daya ingatan pelajar terhadap bunyi dan bentuk huruf yang telah dipelajari. Tampalan-tampalan kertas surat khabar juga melatih pelajar untuk berdisiplin dalam menyempurnakan tugas dan meningkatkan kreativiti.

3.10.15.3.3: Stesen Bacaan

Objektif: Menguji tahap kemahiran serta penguasaan terhadap bunyi dan huruf yang telah dipelajari.

Bahan: Kad al-Baghdadi, 4 keping kertas bersaiz A4 bertulis: Stesen pintar, stesen cerdik, stesen pandai dan stesen bijak.

Cara Bermain: Ibu atau bapa meletakkan keempat-empat stesen bacaan di sudut yang berbeza di dalam kelas atau meminta empat orang pelajar memegang stesen-stesen tersebut. Para pelajar dibahagikan kepada 4 kumpulan dengan setiap kumpulan akan bergerak ke stesen pilihan dengan bunyi kenderaan yang dipilih (seperti bunyi kapal terbang, keretapi, bas dan sebagainya). Para pelajar atau anak-anak diminta membaca bunyi yang terdapat pada stesen yang mereka singgah. Kad tersebut hendaklah ditentukan oleh ibubapa atau guru atau dipilih secara rawak oleh pelajar atau anak-anak. Sekiranya bacaannya tepat, mereka dibenarkan menuju ke stesen berikutnya dengan kenderaan baru dan seterusnya. Kumpulan yang berjaya membaca semua bacaan disetiap stesen hendaklah diberikan penghargaan.

Kemahiran: Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran anak-anak mengingat bunyi-bunyi huruf yang telah dipelajari atau perkataan baru serta mampu memupuk nilai kerjasama dan bantu-membantu dikalangan anak-anak.

3.10.15.3.4: Cong Baghdad

Objektif: Permainan kreatif ini direka sebagai proses ulangkaji kesemua bunyi yang dipelajari dalam sesuatu pelajaran tanpa disedari oleh pelajar.

Bahan: Kad al-Baghdadi.

Cara Bermain: Permainan ini amat menarik jika dilakukan sebagai pertandingan untuk setiap kumpulan. Kumpulan akan meraih markah bagi setiap ahli kumpulan yang dapat membaca kad dengan betul. Guru akan 'cong' kesemua kad dalam pelajaran tersebut. Wakil setiap kumpulan akan menyebut bunyi bagi kad yang ditunjukkan oleh guru di hadapan kelas. Bagi jawapan pertama yang betul akan mendapat markah penuh, dan bagi jawapan yang memerlukan talian hayat dari kumpulannya hanya akan mendapat separuh markah.

Kemahiran: Aktiviti ini membantu pelajar untuk mengukuhkan daya ingatan mereka. Ia terbukti mampu menarik perhatian pelajar untuk terus aktif kerana permainan ini bersesuaian dengan jiwa kanak-kanak yang gemar bermain.

Huruf-huruf dalam al-Quran: Sifat dan Makhrajnya

Huruf-huruf Al-Quran

Huruf dalam Bahasa Arab bermaksud tempat keluar huruf (Abd. Qadir 1993:11) atau tempat terputusnya bunyi yang sedang melintasi organ-organ pertuturan (Ibn Jinnī 1993:6) atau keadaan yang terjadi pada sesuatu bunyi yang berbeza daripada bunyi-bunyi yang lain dan dapat didengar dari segi kekuatan dan keberatan (Ibn Sīnā 1978:10). Huruf merupakan istilah dalam bahasa Arab yang diguna pakai dalam bahasa Melayu. Ia juga disebut fonem dalam istilah moden linguistic moden yang bermaksud unit bunyi terkecil (Kamaruddin 1988:20).

Ibn Jinnī (1993) berpendapat hampir keseluruhan ahli bahasa Arab sepakat tentang bilangan huruf dalam bahasa Arab iaitu sebanyak 29 huruf yang didahului oleh Alif dan diakhiri dengan Ya'. Abu al-'Abbas al-Mubarrid (w285H / 898M) mengira huruf Arab hanya 28 huruf dengan tidak dimasukkan Alif dengan alasan Alif tidak mempunyai bentuk yang tetap. Kamal Bisyr (1980) pula berpendapat Alif tidak dikira dalam Abjad Arab kerana ia hanya digunakan sebagai lambang vokal panjang (Mohd Zaki Abd. Rahman 2001:2).

Setiap huruf mempunyai nama, bunyi dan lambang tersendiri. Setiap huruf tidak boleh berbunyi dengan sendirinya tanpa digabungkan dengan tanda baris (bunyi vokal).

Semua huruf dikenali sebagai huruf konsonan manakala bunyi vokal dipanggil huruf vokal sebagai pelengkap yang mencetuskan sesuatu bunyi. Huruf konsonan dalam bahasa Arab ialah huruf-huruf Hijaiyyah dan huruf-huruf vokal pula dikenali baris (vokal tunggal) dan huruf-huruf mad (vokal panjang).

Kebanyakan huruf-huruf Arab mempunyai bentuk yang berbeza mengikut kedudukannya sama ada bentuk tunggal, di awal, di tengah, dan di akhir. Bentuk-bentuknya mengikut kedudukan adalah seperti jadual berikut. Penyusunan huruf-huruf al-Quran yang paling masyhur ialah mengikut susunan alifba' (alfabet) oleh Kamal Bisyr.

Tanda Baris dalam Al-Quran

Al-Khalil bin Ahmad al-Farahidiy (100H-175H\718M-791) merupakan orang yang mencetuskan tanda-tanda baris dan lambang-lambang dalam Bahasa Arab. Walau bagaimanapun Abu Al-Aswad Adduaili merupakan ulamak pertama yang meletakkan tanda-tanda titik pada al-Quran sebagai lambang baris (Hassan Mahmud 1985:1).

Kaedah yang digunakan oleh Abu Al-Aswad ialah:

- Baris satu di atas - diletakkan titik satu di atas huruf.
- Baris satu di depan - satu titik di hadapan.
- Baris satu di bawah - satu titik di bawah.
- Baris dua - diletakkan dua titik.

Al-Quran yang ada di Malaysia sekarang terdapat dalam dua Rasm iaitu Rasm Uthmani yang menjadi teras penulisan buku Qiraati dan al-Barqy dan Rasm Imlai yang menjadi teras penulisan dalam kitab Muqaddam. Rasm Uthmani ialah tulisan al-Quran yang ditulis di zaman Khalifah Uthman bin Affan dan dibaris atau ditandakan mengikut kaedah Dabt al-Quran (Mohd Yusuf 2000:169)

Bentuk-bentuk baris yang terdapat dalam al-Quran Rasm Uthmani sebagaimana yang dinyatakan oleh Ustaz Hassan Mahmud dalam bukunya Pelajaran Ilmu Tajwid Al-Quran Rasm Uthmani (1986: 1-5) ialah :

1. (____)

Fathah atau baris satu di atas. Asalnya huruf Alif yang ditulis melintang dari kanan ke kiri diletakkan di atas sesuatu huruf bagi menandakan bunyi di atas. Cara membunyikannya ialah dengan membuka mulut lebar dan membentuk bunyi 'a'. contoh: كسب (usaha).

2. (____)

Kasrah atas baris satu di bawah. Asalnya ialah huruf 'Ya' setelah dibuangkan kepalanya dan diletakkan di bawah sesuatu huruf bagi menandakan bunyi di bawah. Cara membunyikannya ialah dengan membawahkan bibir sebelah bawah dan membentuk bunyi 'I'. contoh : سمع (mendengar).

3. (____)

Dammah atau baris satu di depan. Asalnya huruf wau kecil yang diletakkan di atas sesuatu bagi menandakan bunyi di depan. Bunyi tersebut hendaklah dengan membulatkan dua bibir dan membentuk bunyi 'u'. contoh nya: اعبد (aku sembah).

4. (____)

Sukun atau tanda baris mati. Asalnya kepala huruf 'ha' setelah dibuang ekor dan titiknya. Contohnya: العصر (Masa).

5. (_____)

Tanda berikut menunjukkan tanwin bertemu dengan huruf izhar. Tanda baris dua selari dan baris dua hadapan diterbalikkan.

Dammatain : عذاب عظيم (azab yang pedih).

Fathatain : خلفا ام السماء (penciptaannya atau langit).

Kasratain : ليوم عظيم (suatu hari yang besar)

6. (_____)

Tiap-tiap tanwin disambut oleh tanda tasydid. Ia menunjukkan Idgham sempurna.

Tanda baris dua tidak selari dan tanda dua di hadapan tidak diterbalikkan. Contoh :

حشَب مسندة (kayu yang tersandar)

Tanda sabdu dibuang, jika tanwin bertemu selain huruf Idgham sempurna. Contoh

سبعاً شدادا (Tujuh langit yang kukuh).

7. ())

Tanda sukun yang diletakkan di atas huruf adalah menandakan bahawa huruf itu

dibaca izhar. Contohnya: من الف (daripada seribu).

8. ())

Mim kecil menandakan setiap nun mati atau tanwin itu ditukarkan menjadi huruf

mim. Contoh الا من بعد (melainkan selepas itu).

9. ())

Sabdu atau tasydid. Asalnya diambil dari kepala huruf syin dengan dibuang titiknya

sebagai menandakan bahawa huruf itu bertanda (double letters). Huruf-huruf

berganda tidak ditulis dua kali tetapi ditandakan dengan sabdu atau syaddah seperti مر

asalnya مرر

10. (~))

Tanda pemanjang yang diambil dari perkataan "مد" dengan menghilangkan terlebih

dahulu kepala huruf mim dan dal kemudian dibentuk menjadi elok. Contohnya الم (alif

lam mim).

11. ()

Tanda bulat terdapat di atas huruf ي, و, ا menandakan huruf tersebut tidak dibaca baik ketika sambung atau berhenti kerana ia sekadar huruf tambahan. Contoh اولئك (mereka).

12. ()

Tanda bulat bujur ke atas yang terdapat di atas huruf alif menandakan huruf itu tidak dibaca ketika sambung tetapi tetap dibaca jika berenti padanya. Contoh قواريرا * قواريرا (kaca * kaca)

Bunyi-bunyi huruf.

Huruf hijaiyyah tanpa baris dikenali sebagai huruf konsonan manakala baris pula dikenali sebagai vokal. Vokal aktif ialah harakat atau ‘baris hidup’ dalam bahasa Malaysia, manakala vokal pasif ialah tanda sukun atau ‘baris mati’ (Mohd. Zaki Abd. Rahman 2001:21). Abd. Qadir Leong (1990:2) pula telah membahagikan bacaan atau bunyi kepada tiga iaitu bacaan pendek, bacaan panjang dan bacaan diftong.

Bacaan pendek ialah bunyi yang terhasil daripada gabungan huruf dengan baris yang berbaris satu (fathah, kasrah dan dammah) dan baris dua atau tanwin (fathatain, kasratain, dan dammatain). Adapun bacaan panjang ialah apabila huruf hijaiyyah diikuti selepasnya huruf mad. Bunyi diftong pula ialah bunyi yang terhasil apabila huruf ‘ya’ (ي) dan wau (و) bertanda sukun yang didahului oleh huruf berbaris di atas. Kedua-dua huruf ini dinamakan huruf lin. Contoh bacaan diftong ialah خير “khairun” dan خوف “khaufun” .

Selain daripada ciri-ciri bunyi yang dinyatakan di atas, terdapat juga dalam Bahasa Arab bunyi allofon. Allofon ialah perubahan ciri sebutan fonem ketika bergabung dengan

fonem-fonem yang lain. Ini berlaku sebagai langkah penyesuaian di antara fonem-fonem bagi membantu melancarkan penyebutan dan pertuturan. (Ramadan al-Tawwab 1982:83). Contohnya fonem Nun bertembung dengan konsonan Qaf ان يقوم (dia bangun).

Tanda mati atau sukun menunjukkan huruf berkenaan dibaca jelas bertepatan dengan makhraj huruf. Ibn Jinni menetapkan cara menentukan makhraj sesuatu huruf ialah dengan mematkan huruf dan diletakkan Hamzah wasal yang berbaris di bawah dihadapannya.

Kesimpulannya, setiap huruf konsonan mempunyai 12 bunyi asas berdasarkan 12 tanda bacaan asas tidak termasuk sabdu (tasydid). Jumlah keseluruhan bunyi asas bahasa Arab ialah 336 bunyi seperti dalam jadual berikut:

Bunyi-bunyi Huruf Hijaiyyah.

Diftong		Tanwin			Huruf & vokal panjang			Huruf & vokal pendek			Sukun	Bil
اي	او	ء	ء	ءا	او	اي	ءا	اعو	اءي	ايء	ء	1
بي	بو	ب	ب	با	بو	بي	با	ب	ب	ب	اب	2
تي	تو	ت	ت	تا	تو	تي	تا	ت	ت	ت	ات	3
ئي	ئو	ث	ث	ثا	ئو	ئي	ثا	ث	ث	ث	اث	4
جي	جو	ج	ج	جا	جو	جي	جا	ج	ج	ج	اج	5
حي	حو	ح	ح	حا	حو	حي	حا	ح	ح	ح	اح	6
خي	خو	خ	خ	خا	خو	خي	خا	خ	خ	خ	اخ	7
دي	دو	د	د	دا	دو	دي	دا	د	د	د	اد	8
ذي	ذو	ذ	ذ	ذا	ذو	ذي	ذا	ذ	ذ	ذ	اذ	9

ري	رو	ر	ر	را	رو	ري	را	ر	ر	ر	ار	10
زي	زو	ز	ز	زا	زو	زي	زا	ز	ز	ز	از	11
سي	سو	س	س	سا	سو	سي	سا	س	س	س	اس	12
شي	شو	ش	ش	شا	شو	شي	شا	ش	ش	ش	اش	13
صي	صو	ص	ص	صا	صو	صي	صا	ص	ص	ص	اص	14
ضي	ضو	ض	ض	ضا	ضو	ضي	ضا	ض	ض	ض	اض	15
طي	طو	ط	ط	طا	طو	طي	طا	ط	ط	ط	اط	16
ظي	ظو	ظ	ظ	ظا	ظو	ظي	ظا	ظ	ظ	ظ	اظ	17
عي	عو	ع	ع	عا	عو	عي	عا	ع	ع	ع	اع	18
غي	غو	غ	غ	غا	غو	غي	غا	غ	غ	غ	اغ	19
في	فو	ف	ف	فا	فو	في	فا	ف	ف	ف	اف	20
قي	قو	ق	ق	قا	قو	قي	قا	ق	ق	ق	اق	21
كي	كو	ك	ك	كا	كو	كي	كا	ك	ك	ك	اك	22
لي	لو	ل	ل	لا	لو	لي	لا	ل	ل	ل	ال	23
مي	مو	م	م	ما	مو	مي	ما	م	م	م	ام	24
ني	نو	ن	ن	نا	نو	ني	نا	ن	ن	ن	ان	25
هي	هو	ه	ه	ها	هو	هي	ها	ه	ه	ه	اه	26
وي	وو	و	و	وا	وو	وي	وا	و	و	و	او	27
يي	يو	ي	ي	يا	يو	يي	يا	ي	ي	ي	اي	28

Makhrāj Huruf.

Makhraj atau dikenali juga dengan daerah artikulasi ialah tempat terbentuknya sebutan sesuatu huruf di organ pertuturan. Kajian fonetik artikulasi akan membincangkan tentang bagaimana bunyi bahasa dihasilkan (Andrian Akmajian et.al 1995:61) terjadi apabila berlaku pertemuan di antara dua organ pertuturan semasa udara melintas.

Makhraj huruf dalam ilmu tajwid ialah tempat keluar huruf hijaiyyah yang dua puluh lapan, samada dari mulut atau halkum. Para Ulama' berlainan pendapat mengenai jumlah bilangan makhraj huruf. Imam al-Syatibi berpendapat terdapat enam belas makhraj sahaja kerana tidak dikira makhraj al-jauf (الجوف) . bagi pendapat jumhur sebenarnya mengandungi tujuh belas makhraj (Hassan Mahmud 1986:88).

Imam Ibn al-Jazari dalam Abd. Qadir (1990:11) membahagikannya kepada lima bahagian iaitu:

- i. الجوف (bahagian rongga mulut dan rongga kerongkong).

Huruf-huruf ini keluar daripada rongga kerongkong hingga rongga mulut dengan cara hembusan udara daripada paru-paru. Huruf-huruf ini digelar huruf lingkungan udara.

Huruf-huruf yang keluar daripada bahagian ini ialah bunyi vokal pendek iaitu baris atas, bawah dan depan (a,i,u) dan huruf mad (alif, wau, dan ya).

- ii. الحلق (bahagian halkum)

Terdapat tiga tempat keluar huruf di bahagian halkum iaitu pangkal halkum, tengah halkum dan hujung halkum. Huruf-hurufnya ialah Ha' dan Hamzah di pangkal halkum, 'Ain di tengah halkum, dan huruf Ghain dan kha' di hujung halkum.

iii. اللسان (bahagian lidah).

18 huruf daripada huruf-huruf hijaiyyah keluar di bahagian lidah iaitu Qaf (ق) , di pangkal lidah : Kaf (ك) di pangkal daun lidah terkeluar sedikit daripada makhraj Qaf. Ya (ي), Syin (ش), dan Jim (ج), makhrajnya di pertengahan daun lidah. Dad (ض) , di tepi lidah yang ditekankan pada geraham. Ia adalah makhraj yang paling susah disebut. Huruf lam (ل) , ra (ر) , dan nun (ن) pula makhrajnya di tepi hujung lidah. Dal (د), Ta (ت) , dan Ta (ط) di hujung lidah yang diangkat menekan pada gusi gigi. Zai (ز) , Sin (س), dan Sad (ص) makhrajnya di hujung lidah yang ditekan pada belakang gigi bawah. Ia dikenali sebagai huruf lingkungan hujung lidah manakala zal (ذ) , tha (ث), dan za (ظ) merupakan huruf lingkungan gusi kerana hujung lidah yang dikeluarkan terletak di antara hujung gigi atas dan hujung gigi bawah.

iv. الشفتان (bahagian bibir mulut).

Huruf-huruf yang keluar daripada bibir mulut ialah Fa (ف), ba(ب) , mim (م), dan waw (و)

v. الخيشوم (bahagian hidung).

Bunyi yang dimaksudkan di bahagian ini ialah bunyi dengung atau sengau. Ia akan terbentuk pada nun dan mim sabdu. Hal ini berlaku apabila terdapat sekatan udara maka udara keluar melalui hidung.

Sifat Huruf

Sifat huruf berkaitan dengan proses penghasilan bunyi dan organ-organ yang terlibat dalam pengajaran bunyi yang berhubung dengan tatacara pengucapan huruf. Organ-organ yang terlibat yang bermula dari paru-paru hingga ke bibir mulut. Ia dikenali sebagai fonetik artikustik. Terdapat 19 sifat utama huruf-huruf Arab (Mohd. Zaki Abd. Rahman 2001: 40-56). 10 daripadanya sifat-sifat yang berlawanan secara berpasangan iaitu:

- Majrur lawan mahmus
- Letupan lawan geseran.
- Menurun lawan menaik.
- Infitah lawan ithaq.
- Ismat lawan dhalaqah.

9 sifat yang baki merupakan sifat yang tidak berlawanan, iaitu neutral, geluncur, lantunan, desis, sengauan, afrikat, berhamburan, berulang dan melencung.

Penutup

Proses belajar membaca al-Quran di peringkat awal mestilah dimulai dengan pengenalan huruf-huruf dan bunyi-bunyinya. Kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran yang digunakan mestilah sesuai agar ia mencapai objektif pengajaran al-Quran dan selari dengan bacaan Rasulullah S.A.W. Guru yang cemerlang dan fasih bacaannya mampu melahirkan generasi al-Quran yang baik bacaannya juga. Walau bagaimanapun, selepas pelajar-pelajar mampu menguasai bacaan dengan baik mestilah diperdengarkan bacaannya satu persatu sehingga khatam (tamat) 30 juz' al-Quran, kepada guru yang fasih untuk memastikan bacaan al-Quran nya betul dengan bertajwid sebagaimana halnya Rasulullah S.A.W yang disemak bacaannya oleh Jibril A.S. Membaca al-Quran tanpa tajwid berdosa hukumnya kerana al-Quran diturunkan beserta tajwid (Hassan Mahmud 1986:31).